



iPhone 3G

Panduan Maklumat
Produk Penting

Panduan Maklumat Produk Penting ini mengandungi maklumat keselamatan, pengendalian, pelupusan dan kitar semula, kawal selia dan maklumat lesen perisian, serta waranti terhadap selama satu tahun bagi iPhone.

⚠ Baca semua maklumat keselamatan di bawah dan arahan pengendalian sebelum menggunakan iPhone untuk mengelakkan kecederaan. Untuk arahan pengendalian terperinci baca *Panduan Pengguna iPhone* pada iPhone anda dengan melawat help.apple.com/iphone atau dengan menggunakan penanda buku Panduan Pengguna iPhone dalam Safari. Untuk versi *Panduan Pengguna iPhone* yang boleh dimuat turun dan versi terbaru *Panduan Maklumat Produk Penting*, lawati www.apple.com/support/manuals/iphone.

Maklumat Keselamatan Penting

AMARAN: Kegagalan untuk mematuhi arahan keselamatan ini boleh mengakibatkan kebakaran, kejutan elektrik, atau kecederaan serta kerosakan lain.

Pengendalian iPhone Jangan jatuhkan, nyahhimpun, membuka, menghancurkan, membengkokkan, mencacatkan, membocorkan, menghiris, mengenakan gelombang mikro, membakar, mengecat, atau memasukkan benda asing ke dalam iPhone.

Mengelakkan Air dan Lokasi yang Basah Jangan gunakan iPhone dalam hujan, atau berdekatan besen mencuci atau lokasi basah yang lain. Berhati-hati supaya tidak menumpahkan sebarang makanan atau minuman pada iPhone. Sekiranya iPhone menjadi basah, cabutkan semua kabel, matikan iPhone (sentuh dan tahan butang Tidur/Bangun, kemudian gelongsorkan butang pada skrin) sebelum membersihkan, dan biarkannya dikeringkan sepenuhnya sebelum menghidupkannya semula. Jangan cuba untuk mengeringkan iPhone dengan menggunakan sumber haba luaran, seperti ketuhar gelombang mikro atau pengering rambut. iPhone yang telah rosak akibat terdedah kepada cecair tidak dapat diperbaiki.

Membaiki atau Mengubah suai iPhone Jangan cuba membaiki atau mengubah suai iPhone dengan sendiri. Menyahhimpun iPhone, termasuk mengeluarkan skru luaran, mungkin mengakibatkan kerosakan yang tidak dilindungi waranti. iPhone tidak mengandungi apa-apa bahagian yang dapat diservis pengguna, kecuali kad SIM dan dulang SIM. Perkhidmatan hanya patut disediakan oleh pembekal perkhidmatan wayarles yang disahkan oleh Apple. Jika iPhone telah ditenggelamkan dalam air, dibocorkan, atau dijatuhkan dari tempat tinggi, jangan menggunakannya sehingga anda membawanya kepada pembekal perkhidmatan wayarles yang disahkan oleh Apple. Untuk maklumat perkhidmatan, pilih Bantuan iPhone dari menu Bantuan pada iTunes atau pergi ke: www.apple.com/support/iphone/service/faq

Penggantian Bateri Bateri cas semula dalam iPhone harus digantikan oleh Apple atau pembekal perkhidmatan wayarles yang disahkan oleh Apple sahaja. Untuk maklumat lanjut tentang perkhidmatan penggantian bateri, pergi ke: www.apple.com/support/iphone/service/battery

Mengecas iPhone Untuk mengecas iPhone, gunakan Penyambung Dok Apple ke Kabel USB dengan Penyesuai Kuasa USB Apple atau port USB berkuasa tinggi pada peranti lain yang mematuhi standard USB 2.0 atau 1.1, produk atau aksesori berjenama Apple yang lain yang direka untuk berfungsi dengan iPhone, atau aksesori pihak ketiga yang disahkan untuk menggunakan logo "Works with iPhone" milik Apple.

Baca semua arahan keselamatan untuk mana-mana produk dan aksesori sebelum menggunakannya dengan iPhone. Apple tidak bertanggungjawab terhadap operasi aksesori pihak ketiga atau pematuhan dengan standard keselamatan dan kawal selia.

Apabila anda menggunakan Penyesuai Kuasa USB Apple untuk mengecas iPhone, pastikan bahawa penyesuai kuasa telah dipasang dengan lengkap sebelum anda memasangnya ke salur keluar kuasa. Kemudian masukkan Penyesuai Kuasa USB Apple ke dalam salur keluar kuasa dengan ketat. Jangan sambungkan atau putus sambungan Penyesuai Kuasa USB Apple dengan tangan yang basah.

Penyesuai Kuasa USB Apple mungkin menjadi panas semasa penggunaan biasa. Pastikan sentiasa terdapat pengudaraan yang mencukupi di sekeliling Penyesuai Kuasa USB Apple dan kendalikan dengan cermat. Cabutkan Penyesuai Kuasa USB Apple jika sebarang daripada keadaan berikut wujud:

- Kord kuasa atau plag telah menjadi lusuh atau rosak.
- Penyesuai terdedah kepada hujan, cecair atau kelembapan berlebihan.
- Bekas penyesuai telah rosak.
- Anda mengesyaki penyesuai memerlukan servis atau perlu dibaiki.
- Anda ingin membersihkan penyesuai.

Mengelakkan Kerosakan Pendengaran Kerosakan pendengaran mungkin berlaku jika penerima, earbud, fon kepada, telefon speaker, atau alat dengar telinga digunakan pada kelantangan tinggi. Setkan kelantangan ke tahap yang selamat. Anda boleh menyesuaikan diri dalam masa pada kelantangan bunyi yang tinggi yang mungkin berbunyi biasa tetapi boleh merosakkan pendengaran anda. Jika anda mengalami deringan dalam telinga anda atau pertuturan tidak jelas, hentikan mendengar dan periksa pendengaran anda. Makin kuat kelantangan, lebih pendek masa diperlukan sebelum pendengaran anda terjejas. Untuk melindungi pendengaran anda, pakar pendengaran mencadangkan bahawa:

- Menghadkan masa anda menggunakan penerima, earbud, fon kepada, telefon speaker, atau alat dengar telinga pada kelantangan tinggi.
- Elakkan daripada meninggikan kelantangan untuk menghalang bunyi bising di sekeliling.
- Rendahkan kelantangan jika anda tidak dapat mendengar percakapan orang berdekatan anda.

Untuk maklumat tentang mengeset had suara maksimum pada iPhone, lihat *Panduan Pengguna iPhone*.

Panggilan Kecemasan Anda tidak sepatutnya bergantung pada peranti wayarles untuk komunikasi penting, seperti kecemasan perubatan. Kegunaan iPhone untuk memanggil perkhidmatan kecemasan mungkin tidak berfungsi di semua lokasi. Nombor dan perkhidmatan kecemasan mungkin berbeza-beza berdasarkan rantau, dan kadang kala panggilan kecemasan tidak dapat dibuat disebabkan ketersediaan rangkaian atau gangguan persekitaran. Rangkaian selular tertentu mungkin tidak menerima panggilan kecemasan dari iPhone jika SIM tidak dipasang, SIM telah dikunci dengan PIN, atau jika anda belum mengaktifkan iPhone anda.

Memandu dan Menunggang Dengan Selamat Kegunaan iPhone secara sendiri atau dengan headphone (walaupun jika hanya digunakan pada sebelah telinga) ketika memandu kenderaan atau menunggang basikal tidak disyorkan dan adalah haram di kawasan tertentu. Rujuk dan patuhi undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan peranti bimbit seperti iPhone di kawasan yang anda memandu atau menunggang. Berhati-hati dan tumpukan perhatian semasa memandu dan menunggang basikal. Jika anda ingin menggunakan iPhone semasa memandu, sila ingat garis panduan berikut.¹

¹ Disesuaikan daripada CTIA-The Wireless Association® Tip Pemanduan Selamat.

- **Berikan perhatian penuh pada memandu atau menunggang dan pada jalan.**
Menggunakan peranti bimbis semasa memandu atau menunggang boleh mengganggu perhatian anda. Jika anda mendapati ia mengganggu atau mengalihkan perhatian apabila mengendalikan sebarang kenderaan, menunggang basikal, atau menjalankan sebarang aktiviti yang memerlukan perhatian penuh anda, berhenti di tepi jalan dan letakkan kenderaan sebelum membuat atau menjawab panggilan jika keadaan memandu memerlukan.
- **Kenali iPhone dan ciri-cirinya seperti kesukaan, terkini, dan speakerphone.**
Ciri-ciri ini membantu anda membuat panggilan tanpa mengalihkan perhatian anda daripada jalan. Lihat Panduan Pengguna iPhone untuk maklumat lanjut.
- **Menggunakan peranti bebas tangan.**
Tambahkan lagi kemudahan dan keselamatan pada iPhone anda dengan salah satu daripada banyak aksesori bebas tangan yang tersedia.
- **Letakkan iPhone pada tempat yang mudah dicapai.**
Tumpukan perhatian pada jalan. Jika anda menerima panggilan pada masa yang tidak sesuai, biarkan mel suara anda menjawabnya untuk anda.
- **Cuba rancang untuk membuat panggilan apabila kenderaan anda tidak bergerak.**
Nilai lalu lintas sebelum mendail, atau buat panggilan semasa anda tidak bergerak atau sebelum memasuki lalu lintas.
- **Pastikan orang dalam panggilan tahu yang anda sedang memandu.**
Jika perlu, tamatkan panggilan dalam kesesakan lalu lintas atau dalam keadaan cuaca yang berbahaya. Memandu dalam hujan, jalan licin, salji, ais, kabus, dan kesesakan lalu lintas adalah berbahaya.
- **Jangan SMS, e-mel, ambil nota, mencari nombor telefon, atau melakukan sebarang aktiviti lain yang memerlukan perhatian apabila anda semasa memandu.**
Menaip atau membaca SMS dan e-mel, menaip nota tugas, atau mencari dalam buku alamat anda mengalihkan tumpuan dari tanggungjawab utama anda, untuk memandu dengan selamat.
- **Jangan terlibat dalam perbualan yang memberi tekanan atau beremosi yang mungkin mengganggu tumpuan anda.**
Pastikan orang dalam panggilan tahu yang anda sedang memandu dan tamatkan perbualan yang berkemungkinan mengalihkan tumpuan anda daripada jalan.

Menavigasi Secara Selamat Jika iPhone anda mempunyai aplikasi yang menyediakan bantuan navigasi berasaskan peta, arah atau lokasi, aplikasi ini harus hanya digunakan untuk bantuan navigasi asas dan tidak harus bergantung padanya untuk menentukan lokasi, kehampiran, jarak, atau arah yang tepat.

Aplikasi berasaskan Peta, arah, dan lokasi yang disediakan oleh Apple bergantung pada data yang dikumpul dan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga. Perkhidmatan data ini adalah tertakluk pada perubahan dan mungkin tidak tersedia di semua kawasan geografi, yang menyebabkan maklumat berasaskan peta, arah atau lokasi yang mungkin tidak tersedia, tidak tepat, atau tidak lengkap. Bandingkan maklumat yang disediakan pada iPhone pada persekitaran anda dan rujuk pada siaran papan tanda untuk menyelesaikan sebarang percanggahan.

Jangan gunakan aplikasi berdasarkan lokasi semasa melakukan aktiviti yang memerlukan tumpuan penuh anda. Untuk maklumat penting tentang keselamatan memandu, lihat seksyen "Memandu Dan Menunggang Dengan Selamat". Sentiasa patuhi arahan papan tanda dan undang-undang serta peraturan di kawasan yang anda gunakan iPhone anda.

Sawan, Pitam, dan Keletihan Mata Terdapat peratusan kecil orang yang mudah terkena sawan atau pitam (walaupun tidak pernah mengalaminya) apabila terdedah kepada kelipan lampu atau corak lampu seperti semasa bermain permainan atau menonton video. Jika anda pernah mengalami sawan atau pitam atau mempunyai sejarah keluarga berlakunya kejadian tersebut, anda harus merujuk kepada doktor sebelum bermain permainan (jika ada) atau menonton video pada iPhone anda. Hentikan penggunaan iPhone dan berunding

dengan doktor jika mengalami pening kepala, pitam, sawan, gegaran, sentakan mata atau otot, kehilangan kesedaran, pergerakan luar kawalan, atau disorientasi. Untuk mengurangkan risiko sakit kepala, pitam, sawan dan keletihan mata, elakkan dari penggunaan berpanjangan, pegang iPhone jauh dari mata anda, gunakan iPhone dalam bilik yang terang, dan berehat dengan kerap.

Bahagian Kaca Bahagian luar skrin iPhone diperbuat daripada kaca. Kaca tersebut mungkin pecah jika iPhone dijatuhkan pada permukaan keras atau mengalami impak yang kuat. Jika kaca sumbing atau retak, jangan sentuh atau cuba mengeluarkan kaca yang telah pecah. Hentikan penggunaan iPhone sehingga kaca digantikan oleh pembekal perkhidmatan wayarles yang disahkan oleh Apple. Kaca yang retak akibat penyalahgunaan tidak diliputi oleh waranti.

Bahaya Tercekik iPhone mengandungi bahagian-bahagian kecil, yang mungkin menyebabkan bahaya tercekik kepada kanak-kanak kecil. Jauhkan iPhone serta aksesori daripada kanak-kanak kecil.

Pergerakan Berulang Apabila anda menjalankan aktiviti yang berulang seperti menaip atau bermain permainan pada iPhone, anda mungkin mengalami ketidakselesaan pada tangan, lengan, bahu, leher, atau bahagian badan yang lain. Pastikan anda kerap berehat dan jika anda mengalami ketidakselesaan semasa atau selepas penggunaan sedemikian, hentikan penggunaan dan berjumpa dengan doktor.

Atmosfera Mudah Meletup Matikan iPhone (tekan dan tahan butang Tidur/Bangun, kemudian gelongsor butang pada skrin) apabila berada di mana-mana kawasan dengan atmosfera mudah meletup. Jangan mengecaskan iPhone, dan patuhi semua papan tanda dan arahan. Percikan api di kawasan sedemikian boleh menyebabkan letupan atau kebakaran yang boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.

Kawasan dengan atmosfera mudah meletup selalunya, tetapi bukan sentiasa, ditandakan dengan jelas. Kawasan berpotensi adalah termasuk: kawasan mengisi bahan api (seperti stesen minyak); di bawah dek pada bot; kemudahan pemindahan atau penyimpanan bahan bakar atau bahan kimia, kenderaan yang menggunakan gas petroleum cecari (seperti propana atau butana); kawasan di mana udara mengandungi bahan kimia atau zarah (seperti butiran, habuk, atau serbuk logam); dan mana-mana tempat lain yang anda biasanya dinasihatkan supaya mematikan enjin kenderaan anda.

Untuk Kenderaan yang Mempunyai Beg Udara Beg udara mengembang dengan kuasa yang besar. Jangan menyimpan iPhone atau apa-apa aksesori pada kawasan di atas beg udara atau di kawasan beg udara terbuka.

Pendedahan kepada Kuasa Frekuensi Radio iPhone mengandungi pemancar dan penerima radio. Apabila dihidupkan, iPhone menerima dan memancar kuasa frekuensi radio (RF) melalui antenanya. Antena selular iPhone terletak pada belakang iPhone berdekatan dengan penyambung dok. Antena Wi-Fi dan Bluetooth® terletak di belakang iPhone pada bahagian pinggir atas. iPhone direka dan dikilangkan supaya tidak melebihi batasan untuk pendedahan pada kuasa RF yang ditetapkan oleh Federal Communications Commission (FCC) United States, Industry Canada (IC), dan pengesyoran Council of the European Union. Standard pendedahan menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai kadar penyerapan tertentu, atau SAR (Specific Absorption Rate). Had SAR yang digunakan untuk iPhone yang ditetapkan oleh FCC adalah 1.6 watt sekilogram (W/kg), 1.6 W/kg oleh Industry Canada, dan 2.0 W/kg oleh Council of the European Union. Ujian bagi SAR dijalankan menggunakan kedudukan pengendalian biasa (contohnya, pada telinga atau dipakai pada badan) yang ditentukan oleh agensi-agensinya tersebut, dengan iPhone memancar pada aras kuasa tertinggi yang disahkan dalam semua jalur frekuensi yang diuji. Walaupun SAR ditentukan pada paras kuasa tertinggi yang disahkan dalam setiap jalur frekuensi, paras SAR sebenar bagi iPhone semasa beroperasi boleh berada jauh di bawah nilai maksimum kerana iPhone melaraskan kuasa pemancaran selularnya berdasarkan sebahagiannya pada kehampiran rangkaian wayarles. Secara umumnya, lebih dekat anda berada dengan stesen pangkalan selular, lebih rendah tahap kuasa pemancaran selular.

iPhone telah diuji,² dan memenuhi panduan pendedahan FCC, IC, dan European Union RF untuk operasi selular, Wi-Fi, dan Bluetooth. Apabila diuji untuk digunakan di telinga dan untuk operasi semasa dipakai pada badan (dengan iPhone ditempatkan 15 mm (5/8 inci) dari badan), nilai maksimum SAR untuk setiap jalur frekuensi digariskan di bawah:

Jalur Frekuensi	Badan	Telinga	FCC & IC Had SAR 1g (W/kg)
GSM 850	1.030	0.521	1.6
GSM 1900	0.522	1.290	1.6
UMTS II 1900	0.402	1.388	1.6
UMTS V 850	0.733	0.516	1.6
Wi-Fi	0.088	0.779	1.6

Jalur Frekuensi	Badan	Telinga	EU Had SAR 10g (W/kg)
GSM 900	0.559	0.235	2.0
GSM 1800	0.369	0.780	2.0
UMTS I 2100	0.231	0.878	2.0
Wi-Fi	0.051	0.371	2.0

Ukuran SAR pada iPhone mungkin melebihi garis panduan pendedahan FCC untuk pengendalian dipakai pada badan jika ditempatkan pada jarak kurang daripada 15 mm (5/8 inci) dari badan (contohnya, apabila menyimpan iPhone di dalam kocek anda). Untuk prestasi optimum bagi peranti bimbit dan untuk memastikan bahawa pendedahan manusia pada kuasa RF tidak melebihi garis panduan FCC, IC, dan Kesatuan Eropah, sentiasa patuhi arahan dan langkah pencegahan yang berikut: Apabila dalam panggilan dengan menggunakan penerima audio yang terbina dalam iPhone, pegang iPhone dengan penyambung dok menghala ke bawah ke bahu anda untuk meningkatkan pemisahan daripada antena. Semasa menggunakan iPhone berhampiran badan anda untuk panggilan suara atau untuk pemancaran data wayarles melalui rangkaian selular, kekalkan iPhone sekurang-kurangnya 15 mm (5/8 inci) daripada badan, dan hanya gunakan bekas pemegang, klip tali pinggang, atau pemegang yang tidak mempunyai bahagian besi dan mengekalkan pemisahan sekurang-kurangnya 15 mm (5/8 inci) di antara iPhone dan badan.

Jika anda masih risau tentang pendedahan pada kuasa RF, anda boleh menghadkan lagi pendedahan dengan menghadkan jumlah masa menggunakan iPhone, memandangkan masa adalah faktor dalam jumlah pendedahan yang diterima seseorang, dan dengan meningkatkan lagi jarak di antara badan dan iPhone anda, kerana paras pendedahan jatuh dengan banyak mengikut jarak.

² Peranti ini telah diuji oleh Compliance Certification Services, Fremont, CA menurut standard ukuran dan prosedur yang ditentukan dalam FCC OET Bulletin 65, Supplement C (Edition 01-01) dan IEEE P1528.1, April 21 2003 dan Canada RSS 102. iPhone mematuhi European Council Recommendation pada 12 Julai 1999 mengenai Limitation of Exposure of the General Public to Electromagnetic Fields [1999/519/EC].

Maklumat Tambahan Untuk maklumat lanjut dari FCC mengenai pendedahan kepada kuasa RF, lihat: www.fcc.gov/oet/rfsafety

FCC dan A.S. Food and Drug Administration (FDA) juga mempunyai laman web pengguna di www.fda.gov/cellphones untuk menjawab pertanyaan mengenai keselamatan telefon bimbit. Sila periksa laman web dari semasa ke semasa untuk mendapatkan maklumat terbaru.

Untuk maklumat mengenai penyelidikan sains yang berkaitan dengan pendedahan kuasa RF, lihat Pangkalan data Penyelidikan EMF yang dikendalikan oleh World Health Organization di: www.who.int/emf

Gangguan Frekuensi Radio Pancaran frekuensi radio daripada peralatan elektronik boleh mengganggu pengendalian peralatan elektronik lain secara negatif dan mengakibatkannya rosak. Walaupun iPhone direka, diuji, dan dikilangkan untuk mematuhi peraturan yang mentadbir pemancaran frekuensi radio di negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Kesatuan Eropah, dan Jepun, pemancar wayarles dan litar elektrik dalam iPhone mungkin menyebabkan gangguan dalam peralatan elektronik lain. Oleh itu, sila ambil langkah berjaga-jaga yang berikut:

Pesawat Penggunaan iPhone mungkin dilarang apabila berada dalam pesawat. Untuk maklumat lanjut tentang penggunaan Mod Pesawat untuk mematikan pemancar wayarles iPhone, lihat *Panduan Pengguna iPhone*.

Kenderaan Pancaran frekuensi radio daripada iPhone mungkin mengganggu sistem elektronik dalam kenderaan bermotor. Sila periksa dengan pengeluar atau wakil pengeluar mengenai kenderaan anda.

Perentak Jantung (Pacemaker) Persatuan Pengeluar Industri Kesihatan (The Health Industry Manufacturers Association) menasihatkan supaya terdapat jarak pemisahan minimum 15 cm (6 inci) dikekalkan di antara telefon bimbit wayarles dan perentak jantung untuk mengelakkan kemungkinan gangguan dengan perentak jantung.

- Hendaklah *sentiasa* menjauhkan iPhone lebih daripada 15 cm (6 inci) daripada perentak jantung ketika telefon dihidupkan.
- Jangan menyimpan iPhone di dalam kocek baju
- Harus menggunakan telinga yang bertentangan dengan perentak jantung untuk mengurangkan kemungkinan gangguan

Jika anda mengesyaki terdapat sebarang gangguan, *matikan* iPhone dengan segera.

Alat Bantuan Pendengaran iPhone mungkin menyebabkan gangguan pada alat bantuan pendengaran. Jika gangguan berlaku, rujuk pada pengeluar alat bantuan pendengaran atau doktor anda untuk pilihan lain atau penyelesaian.

Peranti Perubatan Lain Jika anda menggunakan peranti perubatan peribadi yang lain, rujuk pada pengeluar peranti atau doktor anda untuk menentukan sama ada ia dilindungi secukupnya daripada pancaran frekuensi radio daripada iPhone.

Kemudahan Penjagaan Kesihatan Hospital dan pusat penjagaan kesihatan mungkin menggunakan peralatan yang khususnya peka pada pancaran frekuensi radio luaran. Matikan iPhone apabila kakitangan atau papan tanda mengarahkan anda untuk berbuat demikian.

Kawasan Letupan dan Kemudahan dengan Arahan Papan Tanda Untuk mengelakkan daripada mengganggu operasi peletupan, matikan iPhone apabila dalam "kawasan peletupan" atau di kawasan yang mempunyai tanda "Matikan radio dua hala." Patuhi semua tanda dan arahan.

Maklumat Pengendalian Penting

AMARAN: Kegagalan untuk mematuhi arahan keselamatan ini boleh mengakibatkan kerosakkan pada iPhone atau harta benda lain.

Membawa dan Mengendalikan iPhone iPhone mengandungi komponen yang sensitif. Jangan bengkakkan, jatuhkan, atau hancurkan iPhone. Jika penutup belakang iPhone anda mempunyai pengemasan glos tinggi, kendalikan dengan cermat untuk mengekalkan penampilannya. Jika anda risau akan tergaru, anda boleh menggunakan pelindung yang dijual berasingan.

Menggunakan Penyambung dan Port Jangan sekali-kala memaksa penyambung ke dalam port. Periksa untuk halangan pada port. Jika penyambung dan port tidak dapat bersambung dengan mudah, ia mungkin tidak sepadan. Pastikan penyambung sepadan dengan port dan anda telah menempatkan penyambung dengan betul selari dengan port.

Menyimpan iPhone Di dalam Suhu yang Sesuai Kendalikan iPhone di tempat yang suhunya adalah di antara 0° dan 35° C (32° ke 95° F). Keadaan suhu yang rendah atau tinggi mungkin akan memendekkan hayat bateri atau menyebabkan iPhone berhenti berfungsi dengan betul buat sementara waktu. Elakkan perubahan cuaca atau kelembapan yang banyak ketika menggunakan iPhone kerana pemeluwapan mungkin berlaku pada atau di dalam iPhone.

Simpan iPhone di tempat dengan suhu di antara -20° dan 45° C (-4° ke 113° F). Jangan tinggalkan iPhone di dalam kereta anda, kerana suhu dalam kereta yang letakkan mungkin melebihi julat suhu ini.

Apabila anda menggunakan iPhone atau mengecap bateri, ia adalah biasa untuk iPhone menjadi panas. Bahagian luar iPhone berfungsi sebagai permukaan penyejuk yang memindahkan haba dari dalam unit untuk ke udara yang lebih sejuk di luar.

Memastikan Bahagian Luar iPhone Sentiasa Bersih Untuk membersihkan iPhone, putus sambungan semua kabel dan matikan iPhone (tekan dan tahan butang Tidur/Bangun, dan gelongsor butang pada skrin). Kemudian gunakan kain bebas lin yang lembut dan lembab sedikit. Elakkan daripada mendedahkan kelembapan ke dalam bukaan. Jangan gunakan pembersih tingkap, permbersihan rumah, semburan aerosol, pelarut, alkohol, ammonia, atau pelelas untuk membersihkan iPhone.

Maklumat Pelupusan dan Kitar Semula

Program Kitar Semula Telefon Bimbit Terpakai Apple (tersedia di beberapa kawasan)

Untuk mengitar semula telefon bimbit lama anda secara percuma, label penghantaran prabayar, dan arahan lihat: www.apple.com/environment/recycling

Pelupusan dan Kitar Semula iPhone Anda mesti melupuskan iPhone dengan sempurna dan mematuhi peraturan dan undang-undang tempatan. Kerana iPhone mengandungi komponen elektronik dan bateri, iPhone mesti dilupuskan secara berasingan daripada sampah rumah. Apabila iPhone tamat hayatnya, hubungi jawatan kuasa tempatan untuk mempelajari tentang pilihan pelupusan dan kitar semula, atau hantarkannya ke kedai Apple tempatan anda atau kembalikannya kepada Apple. Bateri akan dikeluarkan dan dikitar semula secara mesra alam sekitar. Untuk maklumat lanjut, lihat: www.apple.com/environment/recycling



Maklumat Pelupusan Alat Elektronik dan Bateri - Kesatuan Eropah

Simbol ini bermaksud menurut undang-undang dan peraturan tempatan produk anda dan baterinya harus dikitar semula berasingan daripada sampah rumah. Apabila peranti ini

tamat hayatnya, hantarkannya ke pusat pengumpulan yang ditentukan oleh jawatan kuasa tempatan untuk dikitar semula peralatan elektronik. Pelupusan peralatan elektronik buangan yang tidak wajar oleh pengguna boleh dikenakan denda. Pengumpulan dan kitaran semula produk dan baterinya secara berasingan pada masa pelupusan akan membantu memulihara sumber asli dan memastikan ia dikitar semula dalam cara yang melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.

Untuk skim pengumpulan dan kitar semula iPhone, pergi ke:

www.apple.com/environment/recycling/nationalservices/europe.html

Penggantian Bateri untuk iPhone Bateri boleh dicas semula pada iPhone hendaklah digantikan oleh Apple atau pembekal perkhidmatan wayarles yang disahkan oleh Apple sahaja. Untuk maklumat lanjut tentang penggantian bateri pergi ke:

www.apple.com/support/iphone/service/battery

Deutschland: Dieses Gerät enthält Batterien. Bitte nicht in den Hausmüll werfen. Entsorgen Sie dieses Gerätes am Ende seines Lebenszyklus entsprechend der maßgeblichen gesetzlichen Regelungen.

Nederlands: Gebruikte batterijen kunnen worden ingeleverd bij de chemokar of in een speciale batterijcontainer voor klein chemisch afval (kca) worden gedeponeerd.



Apple dan Alam Sekitar Di Apple, kami sedar akan tanggungjawab kami untuk meminimumkan impak pada alam sekitar dari operasi dan produk kami.

Untuk maklumat lanjut pergi ke: www.apple.com/environment

Pensijilan dan Pematuhan

Penting: Perubahan atau pengubahsuaian pada produk ini yang tidak diizinkan oleh Apple boleh menjadikan pematuhan EMC dan wayarles tidak sah dan meniadakan kuasa anda untuk mengendalikan produk ini. Produk ini telah mendemonstrasikan pematuhan EMC di bawah keadaan yang termasuk penggunaan peranti persisian dan kabel dengan pelindung yang memenuhi syarat di antara komponen sistem. Adalah penting anda menggunakan peranti persisian dan kabel dengan pelindung yang memenuhi syarat di antara komponen sistem untuk mengurangkan kemungkinan menyebabkan gangguan antara radio, televisyen, dan peranti elektronik yang lain.

FCC Compliance Statement

This device complies with part 15 of the FCC rules. Operation is subject to the following two conditions: (1) this device may not cause harmful interference, and (2) this device must accept any interference received, including interference that may cause undesired operation.

Canadian Compliance Statement

Complies with the Canadian ICES-003 Class B specifications. Cet appareil numérique de la Classe B est conforme à la norme NMB-003 du Canada. This device complies with RSS 210 of Industry Canada. This Class B device meets all the requirements of the Canadian interference-causing equipment regulations. Cet appareil numérique de la Classe B respecte toutes les exigences du Règlement sur le matériel brouilleur du Canada.

European Union Regulatory Conformance

The equipment complies with the RF Exposure Requirement 1999/519/EC, Council Recommendation of 12 July 1999 on the limitation of exposure of the general public to electromagnetic fields (0–300 GHz). This equipment meets the following conformance standards:

EU Declaration of Conformity

Български Apple Inc. декларира, че този клетъчен, Wi-Fi, Bluetooth предавател е в съответствие със съществените изисквания и другите приложими правила на Директива 1999/5/EC.

Česky Apple Inc. tímto prohlašuje, že tento cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio g je ve shodě se základními požadavky a dalšími příslušnými ustanoveními směrnice 1999/5/ES.

Dansk Undertegnede Apple Inc. erklærer herved, at følgende udstyr cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio overholder de væsentlige krav og øvrige relevante krav i direktiv 1999/5/EF.

Deutsch Hiermit erkläre Apple Inc., dass sich das Gerät cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio in Übereinstimmung mit den grundlegenden Anforderungen und den übrigen einschlägigen Bestimmungen der Richtlinie 1999/5/EG befindet.

Eesti Käesolevaga kinnitab Apple Inc. seadme cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio vastavust direktiivi 1999/5/EÜ põhinõuetele ja nimetatud direktiivist tulenevatele teistele asjakohastele sätetele.

English Hereby, Apple Inc. declares that this cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio is in compliance with the essential requirements and other relevant provisions of Directive 1999/5/EC.

Español Por medio de la presente Apple Inc. declara que el cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio cumple con los requisitos esenciales y cualesquiera otras disposiciones aplicables o exigibles de la Directiva 1999/5/CE.

Ελληνική ΜΕ ΤΗΝ ΠΑΡΟΥΣΑ Apple Inc. ΔΗΛΩΝΕΙ ΟΤΙ cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio ΣΥΜΜΟΡΦΩΝΕΤΑΙ ΠΡΟΣ ΤΙΣ ΟΥΣΙΩΔΕΙΣ ΑΠΑΙΤΗΣΕΙΣ ΚΑΙ ΤΙΣ ΛΟΙΠΕΣ ΣΧΕΤΙΚΕΣ ΔΙΑΤΑΞΕΙΣ ΤΗΣ ΟΔΗΓΙΑΣ 1999/5/ΕΚ.

Français Par la présente Apple Inc. déclare que l'appareil cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio est conforme aux exigences essentielles et aux autres dispositions pertinentes de la directive 1999/5/CE.

Íslenska Hér með lýsir Apple Inc. yfir því að cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio er í samræmi við grunnkröfur og aðrar kröfur, sem gerðar eru í tilskipun 1999/5/EC.

Italiano Con la presente Apple Inc. dichiara che questo cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio è conforme ai requisiti essenziali ed alle altre disposizioni pertinenti stabilite dalla direttiva 1999/5/CE.

Latviski Ar šo Apple Inc. deklarē, ka cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio atbilst Direktīvas 1999/5/EK būtiskajām prasībām un citiem ar to saistītajiem noteikumiem.

Lietuvių Šiuo Apple Inc. deklaruoja, kad šis cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio atitinka esminius reikalavimus ir kitas 1999/5/EB Direktyvos nuostatas.

Magyar Alulírott, Apple Inc. nyilatkozom, hogy a cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio megfelel a vonatkozó alapvető követelményeknek és az 1999/5/EC irányelv egyéb előírásainak.

Malti Hawnhekk, Apple Inc., jiddikjara li dan cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio jikkonforma mal-htigijiet essenzjali u ma provvedimenti oħrajn relevanti li hemm fid-Direttiva 1999/5/EC.

Nederlands Hierbij verklaart Apple Inc. dat het toestel cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio in overeenstemming is met de essentiële eisen en de andere relevante bepalingen van richtlijn 1999/5/EG.

Norsk Apple Inc. erklærer herved at utstyret cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio er i samsvar med de grunnleggende krav og øvrige relevante krav i direktiv 1999/5/EF.

Polski Niniejszym Apple Inc. oświadczam, że cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio jest zgodny z zasadniczymi wymogami oraz pozostałymi stosownymi postanowieniami Dyrektywy 1999/5/EC.

Português Apple Inc. declara que este cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio está conforme com os requisitos essenciais e outras disposições da Directiva 1999/5/CE.

Româna Prin prezenta Apple Inc. declară că acest aparat radio cellular, Wi-Fi, & Bluetooth este în conformitate cu cerințele esențiale și cu celelalte prevederi relevante ale Directivei 1999/5/CE.

Slovensko Apple Inc. izjavlja, da je ta cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio v skladu z bistvenimi zahtevami in ostalimi relevantnimi določili direktive 1999/5/ES.

Slovensky Apple Inc. týmto vyhlasuje, že cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio spĺňa základné požiadavky a všetky príslušné ustanovenia Smernice 1999/5/ES.

Suomi Apple Inc. vakuuttaa täten että cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio tyyppinen laite on direktiivin 1999/5/EY oleellisten vaatimusten ja sitä koskevien direktiivin muiden ehtojen mukainen.

Svenska Härmed intygar Apple Inc. att denna cellular, Wi-Fi, & Bluetooth radio står i överensstämmelse med de väsentliga egenskapskrav och övriga relevanta bestämmelser som framgår av direktiv 1999/5/EG.

A copy of the Declaration of Conformity is available at:
www.apple.com/euro/compliance



iPhone can be used in the following countries:

AT	BG	BE	CY	CZ	DK
EE	FI	FR	DE	GR	HU
IE	IT	LV	LT	LU	MT
NL	PL	PT	RO	SK	SL
ES	SE	GB	IS	LI	NO
CH					

European Community Restrictions

Français Pour usage en intérieur uniquement. Consultez l'Autorité de Régulation des Télécommunications (ART) pour connaître les limites d'utilisation des canaux 1 à 9. www.art-telecom.fr

Italiano Approvato esclusivamente per l'uso in locali chiusi. L'utilizzo all'esterno dei propri locali è subordinato al rilascio di un'autorizzazione generale.

Ελλάδα Για χρήση σε εσωτερικούς χώρους μόνο

Singapore Wireless Certification

Complies with
IDA Standards
DB00063


Japan Compliance Statement—VCCI Class B Statement

情報処理装置等電波障害自主規制について

この装置は、情報処理装置等電波障害自主規制協議会 (VCCI) の基準に基づくクラス B 情報技術装置です。この装置は家庭環境で使用されることを目的としていますが、この装置がラジオやテレビジョン受信機に近接して使用されると、受信障害を引き起こすことがあります。

取扱説明書に従って正しい取扱をしてください。

South Africa ICASA Label



PERJANJIAN LESEN PERISIAN APPLE iPhone

PENTING: DENGAN MENGGUNAKAN iPhone ANDA, ANDA BERSETUJU UNTUK MEMATUHI TERMA-TERMA APPLE DAN PIHAK KETIGA YANG BERIKUT:

- A. PERJANJIAN LESEN PERISIAN APPLE iPhone
- B. NOTIS-NOTIS DARIPADA APPLE
- C. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT GOOGLE MAPS
- D. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YOUTUBE

APPLE INC.

PERJANJIAN LESEN PERISIAN APPLE iPhone

Penggunaan Tunggal Lesen

SILA BACA PERJANJIAN LESEN PERISIAN INI ("LESEN") DENGAN TELITI SEBELUM MENGGUNAKAN iPhone ANDA ATAU MEMUAT TURUNKAN PERISIAN TERKINI MENGIRINGI LESEN INI. DENGAN MENGGUNAKAN iPhone ANDA ATAU MEMUAT TURUNKAN PERISIAN TERKINI, YANG BERKAITAN, ANDA BERSETUJU UNTUK MEMATUHI TERMA-TERMA LESEN INI, MELAINKAN ANDA MEMULANGKAN iPhone SELARAS DENGAN POLISI PEMULANGAN APPLE. SEKIRANYA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN TERMA-TERMA LESEN INI, JANGAN GUNAKAN iPhone ATAU MEMUAT TURUNKAN PERISIAN YANG TERKINI. SEKIRANYA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN TERMA-TERMA LESEN, ANDA BOLEH MEMULANGKAN iPhone DI DALAM JANGKA MASA PEMULANGAN KEPADA KEDAI APPLE ATAU PENGEDAR YANG DIBENARKAN YANG ANDA MEMPEROLEHINYA UNTUK BAYARAN BALIK, TERTAKLUK KEPADA POLISI PEMULANGAN APPLE SEPERTI YANG TERDAPAT DI http://www.apple.com/legal/sales_policies/.

1. Am. Perisian (termasuk kod Boot ROM and lain-lain perisian yang berada didalamnya), dokumentasi, ruang-ruang antara muka, kandungan, huruf-huruf cetak dan apa-apa data yang berada di dalam iPhone anda ("Perisian Asli iPhone"), seperti yang mungkin dikemaskinikan atau diganti dengan ciri-ciri penambahan, perisian terkini atau sistem memperbaharui perisian yang disediakan oleh Apple ("Perisian iPhone Terkini"), sama ada dalam memori untuk bacaan sahaja (ROM), di mana-mana media yang lain atau di dalam

mana-mana bentuk lain (Perisian iPhone Asli dan Perisian iPhone Terkini adalah secara kolektif dirujuk sebagai "Perisian iPhone") adalah dilesenkan, tidak dijualkan, kepada anda oleh Apple akan menyediakan kepada anda sebarang perisian OS terkini iPhone yang ia mungkin keluarkan dari masa ke semasa, hingga dan termasuk keluaran perisian OS iPhone penting yang berikutnya selepas versi perisian OS iPhone yang pada asalnya dikirim melalui kapal ("shipped") oleh Apple dalam iPhone anda, secara percuma. Contohnya, kalau iPhone anda pada asalnya dikirim melalui kapal ("shipped") dengan perisian iPhone 2.x, Apple akan menyediakan kepada anda sebarang perisian terkini OS iPhone yang ia mungkin keluarkan hingga dan termasuk keluaran perisian iPhone 3.x. Keluaran dan kemaskinian sedemikian tidak semestinya merangkumi semua ciri-ciri perisian yang baru yang dikeluarkan oleh Apple untuk model iPhone yang lebih baru.

2. Kegunaan Lesen yang Dibenarkan dan Sekatan. (a) Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Lesen ini, anda diberikan lesen terhad dan tidak eksklusif untuk Lesen ini membenarkan anda untuk menggunakan Perisian iPhone hanya di satu iPhone berjenama Apple. Kecuali sepertimana yang dibenarkan dalam Seksyen 2(b) di bawah, Lesen ini tidak membenarkan Perisian iPhone terdapat di dalam lebih daripada satu iPhone berjenama Apple pada satu masa atau pada mana-mana telefon yang lain, dan anda tidak boleh mengedar atau menyebabkan Perisian iPhone didapati di rangkaian yang boleh digunakan oleh pelbagai alat pada satu masa yang sama. Lesen ini tidak memberi anda apa-apa hak untuk menggunakan antara muka hak milik Apple dan lain-lain harta intelek dalam reka bentuk, pembangunan, penghasilan, perlesenan atau pengedaran alat-alat pihak ketiga dan aksesori, atau aplikasi perisian pihak ketiga, untuk kegunaan dengan iPhone. Sebahagian daripada hak-hak tersebut adalah terdapat di bawah lesen-lesen berasingan daripada Apple. Untuk keterangan lanjut berkenaan alat-alat dan aksesori-aksesori pembangunan pihak ketiga untuk iPhone, sila email madedeforipod@apple.com. Untuk keterangan lanjut berkenaan aplikasi perisian pembangunan untuk iPhone, sila email devprograms@apple.com.

(b) Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Lesen ini, anda diberikan satu lesen terhad dan tidak eksklusif untuk Lesen ini membenarkan anda untuk memindahkan Perisian iPhone Terkini yang mungkin disediakan oleh Apple untuk produk iPhone anda untuk dikemaskinikan atau meletakkan perisian asal di mana-mana iPhone sedemikian yang anda memiliki atau mengawal. Lesen ini tidak membenarkan anda untuk mengemaskinikan atau meletakkan perisian asal iPhone yang tidak dipunyai oleh dan atau tidak dibawah kuasa anda, dan anda tidak boleh mengedar atau membuat Perisian iPhone Terkini di rangkaian yang boleh gunakan oleh pelbagai alat-alat atau pelbagai komputer pada masa yang sama. Anda boleh membuat satu salinan Perisian iPhone Terkini yang disimpan di dalam komputer anda dalam bentuk yang boleh dibaca oleh mesin untuk hanya tujuan perlindungan, dengan syarat salinan perlindungan tersebut mesti memasukkan semua notis hakcipta atau notis-notis hak milik yang terkandung di dalam salinan asli.

(c) Anda tidak boleh dan anda bersetuju untuk tidak, atau membolehkan orang-orang lain untuk, menyalin (kecuali dibenarkan secara nyata oleh Lesen ini), menyahsusun, aturan pembalikan, cubaan untuk memperoleh kod sumber, penyahsulitan, mengubah, atau mencipta kerja-kerja perolehan Perisian iPhone atau apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh Perisian iPhone, atau mana-mana bahagian daripadanya (kecuali dan takat hanya mana-mana syarat-syarat terdahulu yang dilarang oleh undang-undang terpakai atau takat mana yang dibenarkan oleh terma-terma lesen yang merangkumi komponen-komponen yang tertakluk kepada penggunaan komponen-komponen bahan terbuka yang terkandung di dalam Perisian iPhone). Sebarang percubaan untuk melakukannya adalah melanggar hak-hak Apple dan pemberi-pemberi Lesen Perisian iPhone. Sekiranya anda melanggar syarat ini, anda boleh didakwa dan boleh bertanggungjawab keatas tuntutan ganti rugi.

(d) Dengan menyimpan kandungan di dalam iPhone anda, anda membuat salinan digital. Dalam sesetengah bidang kuasa, ia adalah menyalahi undang-undang untuk membuat salinan digital tanpa kebenaran daripada pemegang hak. Perisian iPhone boleh digunakan untuk menghasilkan semula bahan-bahan asalkan penggunaan tersebut dihadkan kepada penghasilan semula bahan-bahan yang tidak mempunyai hak cipta, bahan-bahan yang anda

mempunyai hak cipta, atau bahan-bahan yang anda diberikan hak atau dibenarkan oleh undang-undang untuk penghasilan semula.

3. Pemindahan. Anda tidak boleh sewakan, pajakkan, pinjamkan, jualkan, edarkan semula, atau sub-lesenkan Perisian iPhone. Anda bagaimanapun boleh, memindah milik kekal sekali sahaja hak-hak lesen Perisian iPhone anda kepada pihak lain berkenaan dengan memindah milik hakmilik iPhone anda, asalkan: (a) pemindahan hakmilik mesti termasuk iPhone anda dan segala Perisian iPhone, termasuk semua bahagian-bahagian komponennya, media asli, bahan-bahan yang dicetak dan Lesen ini; (b) anda tidak boleh menyimpan apa-apa salinan Perisian iPhone, sama ada penuh atau sebahagian, termasuk salinan-salinan yang disimpan di dalam komputer atau alat-alat simpanan lain; dan (c) pihak yang menerima Perisian iPhone telah membaca dan bersetuju kepada terma-terma dan syarat-syarat Lesen ini.

4. Kebenaran untuk Menggunakan Data Bukan Peribadi. (a) Data Diagnostik. Anda bersetuju bahawa Apple, dan anak syarikatnya dan agen-agenya boleh mengumpul, mengekalkan, dan memproses dan menggunakan maklumat diagnostic, teknikal dan maklumat berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat-maklumat berkenaan iPhone anda, komputer, sistem dan aplikasi perisian, dan alat-alat persisian, yang dikumpulkan dari masa kesemasa untuk membantu peruntukan perisian, produk bantuan dan lain-lain perkhidmatan kepada anda (sekiranya ada) berkenaan dengan Perisian iPhone, dan untuk memastikan pematuhan kepada tema-terma Lesen ini. Apple boleh gunakan maklumat ini, asalkan ia adalah dalam bentuk yang tidak mengenal anda secara peribadi, untuk memperbaiki produk-produk kami atau untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan atau teknologi-teknologi kepada anda.

(b) Data Lokasi. Apple dan rakan kongsinya dan pemegang-pemegang lesennya boleh menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu melalui iPhone anda yang bergantung kepada lokasi maklumat. Untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ini, dimana ianya disediakan, Apple dan rakan-rakan kongsinya dan pemegang-pemegang lesennya boleh menghantar, mengumpul, memelihara, memproses dan menggunakan data lokasi anda, termasuk lokasi geografi iPhone anda pada masa langsung. Data lokasi yang dikumpul oleh Apple dikumpul dalam bentuk yang tidak mengenal pasti anda secara peribadi dan boleh digunakan oleh Apple dan rakan-rakan kongsinya dan pemegang-pemegang lesennya untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berdasarkan lokasi. Dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan berdasarkan lokasi iPhone anda, anda bersetuju dan membenarkan Apple dan rakan kongsinya dan pemegang-pemegang lesennya, menghantar mengumpul, memelihara, memproses dan mengguna data lokasi anda bagi menyediakan anda dengan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan sedemikian. Data lokasi adalah dikumpul dalam bentuk yang tidak mengenal anda secara peribadi. Anda boleh menarik balik kebenaran ini pada bila-bila masa dengan tidak menggunakan ciri-ciri bentuk lokasi atau dengan menutup seting Servis Lokasi pada iPhone anda. Dengan tidak menggunakan ciri-ciri tersebut ianya tidak akan memberi kesan terhadap fungsi-fungsitidak berdasarkan lokasi iPhone anda. Apabila menggunakan aplikasi-aplikasi atas perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga pada iPhone yang menggunakan atau menyediakan data lokasi, anda adalah tertakluk kepada dan harus membaca terma-terma pihak ketiga sedemikian dan polisi privasi berkenaan penggunaan data lokasi oleh aplikasi-aplikasi atau servis-servis pihak ketiga sedemikian

5. iTunes Store dan lain-lain Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Bahan; Bahan-Bahan Pihak Ketiga. (a) Perisian iPhone membolehkan akses kepada iTunes Store Apple; App Store dan lain-lain perkhidmatan Apple dan pihak ketiga serta laman web (secara kolektif dan individual, "Perkhidmatan"). Penggunaan Perkhidmatan memerlukan akses internet dan penggunaan Perkhidmatan tertentu memerlukan anda menerima terma-terma tambahan perkhidmatan. Dengan menggunakan perisian ini berkaitan dengan akaun iTunes Store, anda bersetuju kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan iTunes Store terkini, yang anda boleh akses dan merujuk kepada <http://www.apple.com/legal/itunes/ww/>.

(b) Anda memahami bahawa dengan menggunakan mana-mana Perkhidmatan, anda boleh berhadapan dengan kandungan yang berkemungkinan menyakitkan hati, tidak sopan, atau

tidak menyenangkan, yang kandungannya mungkin atau tidak mungkin dikenal pastikan sebagai bahasa kasar yang tidak menyenangkan, dan menyebabkan mana-mana carian atau kemasukan kepada URL tertentu boleh secara automatik dan dengan tidak sengaja bersambung kepada sambungan atau rujukan kepada bahan-bahan yang tidak disenangi. Walaubagaimanapun, anda bersetuju untuk menggunakan Perkhidmatan pada risiko anda sendiri dan Apple tidak akan bertanggungjawab terhadap anda untuk kandungan yang menyakitkan hati, tidak sopan atau tidak menyenangkan.

(c) Perkhidmatan tertentu boleh mempamerkan, termasuk atau mengadakan kandungan, data, maklumat, aplikasi atau bahan daripada pihak ketiga ("Bahan Pihak Ketiga") atau menyediakan sambungan kepada laman web tertentu pihak ketiga. Dengan menggunakan Perkhidmatan, anda mengakui dan bersetuju bahawa Apple tidak bertanggungjawab untuk memeriksa atau menilai kandungan, ketepatan, kelengkapan, kesahihan, pematuhan hakcipta, kesahan, kesopanan, kualiti atau mana-mana aspek Bahan Pihak Ketiga atau laman web. Apple, kakitangannya, pihak-pihak berkaitan dan anak syarikatnya tidak akan waran atau endors dan tidak menerima dan tidak akan mempunyai liabiliti atau bertanggungjawab kepada anda atau orang lain untuk mana-mana Perkhidmatan pihak ketiga, Bahan Pihak Ketiga atau laman web, atau untuk lain-lain bahan, produk, atau Perkhidmatan pihak ketiga. Bahan Pihak Ketiga dan sambungan kepada lain-lain laman web adalah disediakan hanya untuk kesenangan anda.

(d) Maklumat kewangan yang dipamerkan melalui Perkhidmatan adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak patut digantung kepada tidak dicadangkan sebagai nasihat pelaburan. Sebelum melaksanakan mana-mana transaksi sekuriti berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi melalui Perkhidmatan, anda sepatutnya berunding dengan profesional kewangan. Data lokasi yang disediakan oleh mana-mana Perkhidmatan adalah untuk tujuan tunjuk arah asas sahaja dan tidak dicadangkan untuk bergantung kepada dalam semasa dalam situasi yang maklumat lokasi tepat diperlukan atau dimana data lokasi yang tersalah, tidak tepat, lewat atau tertangguh masa atau tidak lengkap yang boleh membawa maut, kecederaan diri, kerosakan harta atau alam sekitar. Apple atau mana-mana penyedia kandungan tidak menjamin ketersediaan, ketepatan, kelengkapan, pergantungan, ketepatan masa atau kemaskinian maklumat stok terkini atau data lokasi atau apa-apa data lain yang dipamerkan oleh mana-mana Perkhidmatan.

(e) Anda bersetuju bahawa Perkhidmatan mengandungi kandungan hak milik, maklumat dan bahan yang dimiliki oleh Apple dan/atau pemegang lesen, dan dilindungi oleh harta intelek dan lain-lain undang-undang terpakai, termasuk tetapi tidak terhad kepada hakcipta, dan anda tidak boleh menggunakan kandungan hak ,miliki tersebut, maklumat atau bahan dalam apa-apa cara kecuali untuk kegunaan Perkhidmatan yang dibenarkan. Mana-mana bahagian Perkhidmatan tidak boleh dihasilkan semula dalam apa bentuk atau dalam apa-apa cara sekalipun. Anda bersetuju untuk tidak mengubah, menyewakan, memajakkan, menjualkan, mengedarkan, atau mencipta kerja-kerja yang diperolehi berdasarkan Perkhidmatan, dalam apa-apa cara sekalipun, dan anda tidak boleh mengeksploit Perkhidmatan dalam apa-apa cara yang tidak dibenarkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, menceroboh atau membebani kapasiti rangkaian. Anda selanjutnya bersetuju untuk tidak menggunakan Perkhidmatan dalam apa-apa cara yang mengacau, menyalahi, menghendap, mengugut, memfitnah atau apa-apa yang melanggar hak-hak mana-mana pihak lain, dan Apple tidak dalam apa-apa cara sekalipun bertanggungjawab untuk apa-apa kegunaan tersebut oleh anda, atau untuk mana-mana mesej atau transmisi bersifat pengacauan, ugutan, fitnah, menyakitkan hati, atau mesej-mesej pelanggaran atau menyalahi undang-undang atau transmisi yang mungkin anda menerimanya disebabkan oleh penggunaan mana-mana Perkhidmatan.

(f) Tambahan, Perkhidmatan pihak ketiga dan Bahan Pihak Ketiga yang berkemungkinan diakses, ditunjukkan atau disambungkan kepada daripada iPhone tidak didapati dalam semua bahasa atau semua negara. Apple tidak membuat representasi bahawa Perkhidmatan dan bahan sedemikian adalah bersesuaian atau didapati untuk kegunaan mana-mana lokasi tertentu. Setakat anda memilih untuk akses Perkhidmatan dan bahan sedemikian, anda

membuat perkara tersebut di atas inisiatif anda dan bertanggungjawab untuk pematuhan undang-undang terpakai, termasuk tetapi tidak terhad kepada undang-undang tempatan. Apple dan pemegang Lesen mempunyai hak untuk mengubah, menanggung, mengalih, atau tidak mengupayakan akses kepada mana-mana Perkhidmatan pada bila-bila masa tanpa notis. Dalam apa-apa peristiwa, Apple tidak akan bertanggungjawab untuk pengubahan atau tidak mengupayakan akses kepada mana-mana Perkhidmatan. Apple boleh menghadkan penggunaan atau akses kepada Perkhidmatan tertentu, dalam apa-apa kes dan tanpa notis atau liabiliti.

6. Penamatan. Lesen ini adalah efektif sehingga ditamatkan. Hak-hak anda di bawah Lesen ini akan ditamatkan secara automatik atau dengan cara lain berhenti menjadi efektif tanpa notis daripada Apple sekiranya anda gagal untuk mematuhi mana-mana terma (terma-terma) Lesen ini. Di atas penamatan Lesen ini, anda mesti berhenti menggunakan Perisian iPhone. Seksyen 7, 8, 9, 12 dan 13 Lesen ini akan terus berkuat kuasa selepas sebarang penamatan sedemikian.

7. Penolakan Waranti-waranti. ANDA MENAKUI DAN BERSETUJU SECARA NYATA BAHAWA RISIKO PENGGUNAAN PERISIAN IPHONE DAN PERKHIDMATAN, TERLETAH SECARA KESELURUHAN DI ATAS ANDA SENDIRI DAN SEGALA RISIKO BERKENAAN KEPUASAN KUALITI, KEBOLEHAN, KETEPATAN DAN USAHA ADALAH DIPIHAK ANDA. SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, PERISIAN IPHONE DAN PERKHIDMATAN YANG DILAKUKAN OLEH PERISIAN IPHONE ADALAH DISEDIAKAN "SEPERTI YANG DISEDIAKAN" DAN "SEPERTI DIDAPATI"; DENGAN SEGALA KESILAPAN DAN TANPA MANA-MANA WARANTI APA-APA JENIS SEKALIPUN TERSIRAT DALAM APA BENTUK SEKALIPUN, DAN APPLE SERTA PEMEGANG LESEN APPLE (DIRUJUK SECARA KOLEKTIF "APPLE" UNTUK TUJUAN SEKSYEN 7 DAN 8) DENGAN INI MENAFIKAN MANA-MANA WARANTI WARANTI DAN SYARAT-SYARAT BERKENAAN PERISIAN IPHONE DAN PERKHIDMATAN, SAMA ADA SECARA NYATA, TERSIRAT ATAU STATUTORI, TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, WARANT TERSIRAT DAN/ ATAU SYARAT BARANG-BARANG BOLEH DINIAGAKAN, KEPUASAN KUALITI, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU, KETEPATAN, KEPUASAN, HAK PENGGUNAAN PERSENDIRIAN TANPA GANGGUAN, DAN TIADA PERLANGGARAN HAK-HAK PIHAK KETIGA. APPLE TIDAK MENJAMIN BAHAWA TIDAK AKAN ADA MANA-MANA GANGGUAN PENGGUNAAN PERISIAN IPHONE DAN PERKHIDMATAN, YANG FUNGSIYANYA TERKANDUNG DI DALAM ATAU PERKHIDMATAN DILAKUKAN OLEH PERISIAN IPHONE AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA, OPERASI PERISIAN IPHONE DAN PERKHIDMATAN TIDAK AKAN DIGANGGU ATAU BEBAS DARIPADA KEROSAKAN, BAHAWA MANA-MANA PERKHIDMATAN AKAN TERUS DISEDIAKAN, KEROSAKAN DI DALAM PERISIAN IPHONE ATAU PERKHIDMATAN AKAN DIPERBETULKAN, ATAU PERISIAN IPHONE AKAN BERSEKUTUAN ATAU AKAN BERFUNGSI DENGAN MANA-MANA PERISIAN, APLIKASI PIHAK KETIGA ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA. PEMASANGAN PERISIAN INI BOLEH MENJEJASKAN PENGGUNAAN PERISIAN PIHAK KETIGA, APLIKASI-APLIKASI PIHAK KETIGA ATAU PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, ANDA SELANJUTNYA MENAKUI BAHWA PERISIAN IPHONE DAN PERKHIDMATAN TIDAK DINIATKAN ATAU BERSEKUTUAN UNTUK KEGUNAAN DALAM SITUASI ATAU PERSEKITARAN YANG KEGAGALAN ATAU KELEWATAN MASA, ATAU KESALAHAN ATAU TIDAK KETEPATAN DALAM KANDUNGAN, DATA ATAU MAKLUMAT DISEDIAKAN OLEH PERISIAN IPHONE ATAU PERKHIDMATAN BOLEH MEMBAWA KEPADA MAUT, KECEDERAAN DIRI, ATAU KEROSAKAN FIZIKAL ATAU ALAM SEKITAR YANG TERUK, TERMASUK TANPA HAD OPEARSI FASILITI NUKLEAR, PESAWAT UDARA, SUNJUK ARAH PESAWAT ATAU SISTEM KOMUNIKASI, PENGAWALAN TRAFIK UDARA, SISTEM PENGGANTUNGAN HIDUP ATAU SENJATA. TIADA WARANTI DI BERIKAN OLEH APPLE SECARA LISAN ATAU SECARA MAKLUMAT BERTULIS DIBERIKAN APPLE ATAU PERWAKILAN SAH APPLE MENYEBABKAN SATU WARANTI WUJUD. SEKIRANYA PERISIAN IPHONE ATAU PERKHIDMATAN TERBUKTI GAGAL, ANDA BERSETUJU UNTUK BERTANGGUNJAWAB TERHADAP SEGALA KOS PERKHIDMATAN BERSEKUTUAN, PEMBAIKAN ATAU PEMBETULAN. DI DALAM SESETANGAH BIDANG KUASA PIHAK BERKUASA TIDAK MEMBENARKAN PENOLAKAN HAK-HAK WARANTI TERSIRAT ATAU LIMITASI KE ATAS HAK-HAK STATUTORI-STATUTORI PENGGUNA YANG TERPAKAI, OLEH YANG DEMIKIAN, PENOLAKAN DAN HAD TERSEBUT MUNGKIN TIDAK BOLEH DIAPLIKASIKAN TERHADAP ANDA.

8. HAD LIABILITI. SETAKAT MANA IANYA TIDAK DILARANG OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, APPLE DALAM APA-APA KEADAAN PUN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS KERUGIAAN YANG DISEBABKAN OLEH KECEDEeraan DIRI, ATAU MANA-MANA KERUGIAN SAMPINGAN, KERUGIAN NYATA, KHAS, TERSIRAT ATAU AKIBAT GANTIRUGI, DALAM APA BENTUK SEKALIPUN TERMASUK, TANPA HAD, GANTIRUGI UNTUK KEHILANGAN KEUNTUNGAN, KORUPSI ATAU KEHILANGAN DATA, KEGAGALAN UNTUK TRANSMIT ATAU MENERIMA MANA-MANA DATA, GANGGUAN PERNIAGAAN ATAU MANA-MANA GANTIRUGI KOMERSIL, YANG DISEBABKAN OLEH ATAU BERKAITAN DENGAN PENGGUNAAN ATAU TIDAK KEUPAYAAN MENGGUNAKAN PERISIAN IPHONE DAN PERKHIDMATAN ATAU MANA-MANA PERISIAN ATAU APLIKASI PIHAK KETIGA YANG BERKAITAN PERISIAN IPHONE, APA SEBAB SEKALIPUN, TANPA MENGHIRAUKAN TEORI LIABILITI (KONTRAK, TORT ATAU APA-APA) DAN JIKA PUN APPLE TELAH DINASIHATI KEMUNGKINAN GANTIRUGI TERSEBUT). SESETENGAH BIDANG KUASA TIDAK MEMBENARKAN HAD LIABILITI UNTUK KECEDEeraan DIRI, ATAU SAMPINGAN ATAU AKIBAT GANTIRUGI BERKAITAN, OLEH YANG DEMIKIAN, HAD LIMITASI INI MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEPADA ANDA. Dalam apa-apa cara sekalipun, jumlah liabiliti Apple pada anda secara menyeluruh (melainkan seperti mana yang diperuntukan di dalam undang-undang berkenaan kes-kes melibatkan kecederaan diri) tidak akan melebihi amaun dua ratus lima puluh dollar (AS \$250.00). Had-had tersebut akan diaplikasikan walaupun sekiranya remedi yang dinyatakan di atas menggagalkan tujuannya yang penting.

9. Sijil Digital. Perisian iPhone mengandungi fungsi yang membenarkannya untuk menerima sijil digital yang dikeluarkan oleh Apple atau Pihak ketiga. ANDA SENDIRI YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN UNTUK MEMUTUSKAN SAMA ADA ATAU TIDAK UNTUK BERGANTUNG KEPADA SIJIL SAMA ADA IANYA DIKELUARKAN OLEH APPLE ATAU PIHAK KETIGA. RISIKO PENGGUNAAN SIJIL-SIJIL DIGITAL OLEH ANDA ADALAH DITANGGUNG HANYA OLEH ANDA SENDIRI. KE TAKAT MAKSIMA YANG DIBERNARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, APPLE TIDAK MEMBUAT SEBARANG WARANTI ATAU REPRESENTASI, SECARA NYATA ATAU SECARA TERSIRAT, BERKENAAN BOLEH DAGANG ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU, KETEPATAN, SEKURITI, ATAU TIADA PERLANGGARAN HAK-HAK PIHAK KETIGA BERKENAAN DENGAN SIJIL DIGITAL. Anda bersetuju (a) anda tidak memalsukan atau menyalahgunakan mana-mana sijil; (b) anda akan menggunakan Sijil Digital untuk tujuan undang-undang sahaja dan selaras dengan Polisi Sijil, Sijil Kenyataan Praktis atau lain-lain Sijil Autoriti pendedahan praktis perniagaan; (c) anda seorang sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk menghalang mana-mana pengguna yang tidak dibenarkan daripada menggunakan Sijil Digital anda; dan (d) anda akan membatalkan mana-mana sijil yang anda percaya ianya tidak boleh dipercayai.

10. Pengawalan Ekspot. Anda tidak boleh menggunakan atau sekalipun mengekspot atau ekspot semula Perisian iPhone kecuali dibenarkan oleh undang-undang Amerika Syarikat dan undang-undang tempatan (tempatan-tempatan) yang Perisian iPhone diperolehi. Khususnya, tetapi tanpa had, Perisian iPhone tidak boleh diekspot atau diekspotkan semula (a) ke dalam mana-mana negara yang dilarang untuk berdagang dengan Amerika Syarikat atau (b) kepada sesiapa yang tersenarai dalam Nasional Dilantik Khas Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat atau yang tersenarai dalam Individual yang Dinafikan Akses atau Senarai Entiti Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat. Dengan menggunakan Perisian iPhone, anda menyatakan dan waran bahawa anda tidak berada dalam mana-mana negara tersebut atau mana-mana senarai tersebut. Anda juga bersetuju bahawa anda tidak menggunakan Perisian iPhone untuk apa-apa tujuan yang dilarang oleh undang-undang Amerika Syarikat, termasuk tanpa had, pembangunan, reka cipta, penghasilan atau pengeluaran peluru berpandu, nuclear, senjata kimia atau biologi.

11. Pengguna-pengguna Kerajaan. Perisian iPhone dan dokumentasi berkaitan adalah "Commercial Items" yang terma tersebut didefinisikan dalam 48 C.F.R. §2.101, mengandungi "Commercial Computer Software" dan "Commercial Computer Software Documentation" terma-terma tersebut adalah digunakan di dalam 48 C.F.R. §12.212 atau 48 C.F.R. §227.7202, yang mana terpakai. Konsisten dengan 48 C.F.R. §12.212 atau 48 C.F.R. §227.7202-1 melalui 227.7202-4, yang mana terpakai, Perisian Perdagangan Komputer dan "Dokumentasi Perisian Perdagangan Komputer adalah dilesenkan kepada pengguna-pengguna kerajaan Amerika

Syarikat (a) hanya sebagai Item Perdagangan dan (b) hanya dengan hak-hak tersebut seperti yang diberikan kepada pengguna lain selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini. Hak-hak yang tidak disiarkan disediakan di bawah undang-undang hakcipta Amerika Syarikat.

12. Undang-undang Pengawalan dan Peningkatan. Lesen ini akan digunakan dan ditafsir mengikut undang-undang Negeri California, tidak termasuk prinsip konflik undang-undang negeri California seperti yang dipakai terhadap perjanjian yang dipersetujui sepenuhnya dan dilaksanakan keseluruhannya di dalam Negeri California di antara penduduk-penduduk California. Lesen ini tidak akan dirangkumi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan kontrak untuk Jualan Barangan Antarabangsa, aplikasi yang mana ditolak secara nyata. Sekiranya untuk apa-apa alasan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa mendapati mana-mana peruntukan, atau sebahagian daripadanya, tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan Lesen ini yang selebihnya akan dikuatkuasakan dan mempunyai efek yang sepenuhnya.

13. Perjanjian Lengkap; Bahasa Digunakan. Lesen ini adalah merupakan perjanjian keseluruhan di antara Pihak-Pihakanda dan Apple berkenaan dengan penggunaan Perisian iPhone yang dilesenkan di sini dan mengambil alih segala kefahaman yang sebelumnya atau ketika ini berkenaan perkara tersebut. Tiada pindaan atau perubahan Lesen ini akan terikat melainkan dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Apple. Apa-apa terjemahan Lesen ini adalah dibuat untuk keperluan setempat dan dalam apa-apa peristiwa pertikaian di antara versi Inggeris dengan bukan Inggeris, versi Inggeris Lesen ini akan berkuatkuasa dan terpakaiterpakai, setakat yang tidak dilarang oleh undang-undang tempatan di bidang kuasa anda.

14. Pengakuan Pihak Ketiga. Bahagian-bahagian Perisian iPhone mungkin akan menggunakan atau termasuk perisian Pihak ketiga dan lain-lain bahan hakcipta. Pengakuan, terma-terma lesen dan penolakan untuk bahan tersebut adalah terkandung di dalam dokumentasi elektronik untuk Perisian iPhone, dan dengan menggunakan bahan tersebut anda adalah tertakluk kepada mengikut terma-terma tersebut. Kegunaan Google Safe Browsing Service adalah tertakluk kepada Terma-Terma Perkhidmatan Google (http://www.google.com/terms_of_service.html) dan Polisi Privasi Google (<http://www.google.com/privacypolicy.html>).

15. Kegunaan MPEG-4; H.264/Notis AVC. (a) Perisian iPhone adalah dilesenkan di bawah portfolio Lesen Sistem Paten MPEG-4 untuk berkod selaras dengan Tahap Sistem MPEG-4, kecuali lesen tambahan dan pembayaran royalti adalah diperlukan untuk berkod berkenaan dengan (i) data disimpan atau direplikakan dalam media fizikal yang dibayar mengikut asas hak milik satu persatu dan/atau (ii) data yang dibayar mengikut asas hak milik satu persatu dan ditransmitkan kepada pengguna- pengguna akhir untuk penyimpanan kekal dan/atau kegunaan. Lesen tambahan tersebut boleh diperoleh daripada MPEG LA, LLC. Sila lihat <http://www.mpegla.com> untuk keterangan lanjut.

Maklumat tambahan termasuk yang berkenaan dengan kegunaan promosi, dalaman dan komersil serta perlesenan boleh diperoleh daripada MPEG, LA, LLC. Sila lihat <http://www.mpegla.com>. Untuk soalan-soalan yang sering ditanya berserta dengan jawapan-jawapannya berkenaan bayaran kegunaan di bawah MPEG LA Portfolio Lesen Paten Visual MPEG LA boleh didapati di <http://www.apple.com/mpeg4> atau <http://www.apple.com/quicktime/products/qt/gaq.html>.

(b) Perisian iPhone mengandungi fungsi AVC berkod dan/atau fungsi decoding, kegunaan komersil H.264/AVC memerlukan lesen tambahan dan peruntukan berikut diaplikasikan: FUNGSI AVC DALAM PERISIAN IPHONE ADALAH DILESENKAN DI SINI HANYA UNTUK KEGUNAAN PERIBADI DAN BUKAN KOMERSIL PENGGUNA UNTUK: (i) MENKODKAN VIDEO SELARAS DENGAN TAHAP AVC ("VIDEO AVC") DAN/ATAU (ii) DECODING VIDEO AVC YANG DIKODKAN OLEH PENGGUNA YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI PERIBADI DAN BUKAN KOMERSIL DAN/ATAU VIDEO AVC YANG DIPEROLEH DARIPADA PENYEDIA VIDEO YANG DILESENKAN UNTUK MENYEDIAKAN VIDEO AVC. MAKLUMAT BERKENAAN DENGAN

16. Sekatan Carian Perkhidmatan Carian Yahoo. Perkhidmatan Carian Yahoo boleh didapati melalui Safari yang dilesenkan untuk hanya kegunaan di negara-negara berikut: Argentina, Aruba, Australia, Austria, Barbados, Belgium, Bermuda, Brazil, Bulgaria, Canada, Cayman Islands, Chile, Colombia, Cyprus, Czech Republic, Denmark, Dominican Republic, Ecuador, El Salvador, Finland, France, Germany, Greece, Grenada, Guatemala, Hong Kong, Hungary, Iceland, India, Indonesia, Ireland, Italy, Jamaica, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malaysia, Malta, Mexico, Netherlands, New Zealand, Nicaragua, Norway, Panama, Peru, Philippines, Poland, Portugal, Puerto Rico, Romania, Singapore, Slovakia, Slovenia, South Korea, Spain, St. Lucia, St. Vincent, Sweden, Switzerland, Taiwan, Thailand, The Bahamas, Trinidad dan Tobago, Turkey, UK, Uruguay, US dan Venezuela.

17. Notis Microsoft Exchange. Seting Mel Microsoft Exchange dalam Perisian iPhone adalah dilesenkan hanya untuk penyegerakan maklumat atas udara (over-the-air synchronization of information), misalnya e-mel, kenalan, kalender dan tugas-tugas, antara iPhone anda dan Server Microsoft Exchange atau perisian server lain yang dilesenkan oleh Microsoft untuk melaksanakan protocol Microsoft Exchange ActiveSync.

EA0535

Semakan Dikemaskini 4/22/2009

NOTIS-NOTIS DARIPADA APPLE

Sekiranya Apple perlu untuk menghubungi anda berkenaan produk atau akaun, anda bersetuju untuk menerima notis-notis melalui email. Anda bersetuju notis-notis tersebut yang kami hantar secara elektronik akan memenuhi segala keperluan komunikasi yang selaras dengan undang-undang.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT GOOGLE MAPS

Terima kasih kerana mencuba Google Maps untuk aplikasi perisian telefon bimbit! Mukasurat ini mengandungi terma-terma dan syarat-syarat ("Terma dan Syarat") untuk Google Maps untuk telefon bimbit dan versi perusahaan Google Maps untuk telefon bimbit. Bagi menggunakan perisian ini, termasuk mana-mana perisian Pihak ketiga yang didapati terhadap kamu selaras dengan perisian ini dan/atau Perkhidmatan berkaitan, (di bawah secara kolektif dirujuk sebagai "Google Maps untuk telefon bimbit") anda bersetuju untuk terikat dengan Terma Syarat ini, sama ada bagi pihak anda sendiri atau bagi pihak majikan anda atau entiti lain. Sekiranya anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini bagi pihak majikan anda atau entiti lain, anda menyatakan dan waran bahawa anda mempunyai kuasa sepenuhnya berdasarkan undang-undang untuk mengikat majikan anda atau entiti tersebut dengan Terma dan Syarat ini. Sekiranya anda tidak mempunyai sebarang kuasa berlandaskan undang-undang, sila tekan "Tidak" apabila ditanya sama ada bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, dan jangan teruskan menggunakan produk ini.

Terma-terma Tambahan. Google Maps untuk telefon bimbit adalah dikhaskan untuk digunakan selaras dengan Perkhidmatan Google Maps dan Perkhidmatan Google yang lain. Oleh yang demikian, anda bersetuju dan mengakui bahawa kegunaan Google Maps untuk telefon bimbit adalah tertakluk kepada (a) terma-terma spesifik Perkhidmatan Google Maps (yang boleh dilihat di http://local.google.com/help/terms_local.html) termasuk kandungan notis yang terpakai (yang boleh dilihat di http://local.google.com/help/legalnotices_local.html), (b) terma-terma am Perkhidmatan Google (yang boleh dilihat di http://www.google.com/terms_of_service.html) dan (c) polisi rahsia keseluruhan Google (yang boleh dilihat di <http://www.google.com/privacypolicy.html>), juga polisi rahsia yang spesifik, seperti Google Maps untuk polisi rahsia telefon bimbit yang termasuk di dalam aplikasi ini, peruntukan tersebut adalah di sini digabungkan ke dalam Terma dan Syarat untuk rujukan. Setakat mana terdapat apa-apa percanggahan atau konflik di antara terma tambahan tersebut dan Terma dan Syarat ini, peruntukan Terma dan Syarat ini diberi keutamaan.

Harga Rangkaian Google tidak meletakkan harga untuk muat turun atau menggunakan Google Maps untuk telefon bimbit, tetapi bergantung kepada rancangan anda dan pemberi Perkhidmatan atau penyedia anda, pemberi Perkhidmatan atau penyedia lain boleh meletakkan harga untuk memuat turunkan Google Maps untuk telefon bimbit atau kegunaan telefon bimbit semasa anda akses maklumat atau Perkhidmatan Google yang lain melalui Google Maps untuk telefon bimbit.

Kegunaan Bukan Komersil Sahaja Google Maps untuk telefon bimbit yang disediakan untuk anda adalah untuk kegunaan bukan komersil sahaja. Ini bermakna bahawa anda boleh menggunakannya untuk kegunaan peribadi sahaja: anda boleh gunakan di tempat kerja atau di rumah, bagi mencari apa-apa yang anda mahu, tertakluk kepada terma-terma yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat. Anda terlebih dahulu perlu memperolehi kebenaran Google yang anda boleh hubungi mobile-support@google.com, sekiranya anda mahu menjual Google Maps untuk telefon bimbit atau apa-apa maklumat, Perkhidmatan, atau perisian yang berkaitan atau berasal daripadanya, atau sekiranya anda mahu mengubah, menyalin, melesenkan, atau mencipta kerja-kerja hasil daripada Google Maps untuk telefon bimbit.

Melainkan anda memperoleh kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu, anda bersetuju untuk tidak mengubah, mengadaptasi, menterjemah, menyediakan kerja-kerja hasil daripada, tidak menghimpun, aturan pembalikan membuka atau dengan apa-apa cara mencuba untuk membuka kod sumber daripada Google Maps untuk telefon bimbit.

Selanjutnya, anda tidak boleh gunakan Google Maps untuk telefon bimbit dalam apa-apa cara yang boleh merosakkan, menghilangkan keupayaan, menyusahkan, melemahkan Perkhidmatan Google (contohnya, anda tidak boleh gunakan Google Maps untuk telefon bimbit dalam cara mengautomatiskan) atau gunakan Google Maps untuk telefon bimbit dalam apa cara yang boleh mengganggu kegunaan Pihak lain dan kenikmatan Perkhidmatan Google.

Sekiranya anda mempunyai komen berkenaan Google Maps untuk telefon bimbit atau idea bagaimana untuk membaikkan, sila email mobile-support@google.com. Sila ambil perhatian bahawa dengan melakukannya, anda juga akan memberikan Google dan Pihak ketiga kebenaran untuk menggunakan dan memasukkan idea atau komen anda kepada Google Maps untuk telefon bimbit (atau perisian Pihak ketiga) tanpa notis selanjutnya atau gantirugi.

Harta Intelek Di antara Google dengan anda, anda bersetuju dan mengakui bahawa Google memegang segala hak, hakmilik, kepentingan dalam Google Maps untuk telefon bimbit, termasuk tanpa had segala Hak-hak Harta Intelek yang berkenaan. Hak-hak Harta Intelek bermaksud apa-apa dan segala hak yang terdapat daripada semasa ke semasa di bawah undang-undang paten, hakcipta, rahsia dagangan, undang-undang persaingan tidak adil dan apa-apa dan segala hak milik yang lain, dan apa-apa dan segala aplikasi, pembaharuan, penyambungan dan restorasi berkaitan pada ketika ini atau selepas ini dikuatkuasakan dan mempunyai efek pada peringkat antarabangsa. Anda bersetuju untuk tidak mengubah, mengaburkan, mengalihkan notis hakcipta Google atau Pihak ketiga, tanda niaga, atau notis hak-hak miliki lain yang diletakkan pada atau terkandung di dalam atau diakses selaras dengan atau melalui Google Maps untuk telefon bimbit.

Penolakan Waranti-Waranti Google dan mana-mana pihak ketiga yang menyediakan perisiannya bersempena dengan atau melalui Google Maps bagi telefon bimbit menolak tanggungjawab bagi sebarang kerosakan yang diakibatkan daripada penggunaan Google Maps bagi telefon bimbit dan/atau mana-mana pihak ketiga mencapai perisian bersempena dengan atau melalui Google Maps bagi telefon bimbit.

GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT ADALAH DISEDIKAN "SEPERTI SEDIA ADA" TANPA SEBARANG WARANTI APA SEKALIPUN GOOGLE DAN MANA-MANA PIHAK KETIGA MENAFIKAN SELUAS-LUASNYA SETAKAT YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG SEMUA WARANTI TERSURAT, TERSIRAT DAN BERKANUN, TERMASUK TANPA HAD, WARANTI-WARANTI BOLEH DAGANG, KESESUAIAN DENGAN SESUATU TUJUAN DAN TIADA PELANGGARAN HAK HAKMILIK. GOOGLE DAN MANA-MANA PIHAK KETIGA MENAFIKAN SEBARANG WARANTI-

WARANTI BERKENAAN KESELAMATAN, KEBOLEHPERCAYAAN, KETEPATAN MASA DAN PRESTASI GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT DAN MANA-MANA PERISIAN PIHAK KETIGA.

ANDA FAHAM DAN BERSETUJU BAHAWA ANDA MEMUAT TURUN DAN/ATAU MENGGUNAKAN GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT DIATAS BUDI BICARA DAN RISIKO SENDIRI DAN ANDA ADALAH BERTANGGUNGJAWAB DIATAS SEBARANG KEROSAKAN KEPADA KOMPUTER ATAU SISTEM TELEFON BIMBIT ATAU KEHILANGAN DATA YANG DIAKIBKATKAN DARI MEMUAT TURUNATAU PENGGUNAAN GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT. SETENGAH NEGERI ATAU BIDANG KUASA TIDAK MEMBENARKAN PENGECUALIAN WARANTI-WARANTI TERSIRAT OLEH ITU PENGECUALIAN TERSEBUT MUNGKIN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN TERHADAP ANDA. ANDA MUNGKIN JUGA MEMPUNYAI HAK-HAK LAIN YANG BERLAINAN DARI NEGERI KE NEGERI DAN BIDANG KUASA KE BIDANG KUASA.

Had Liabiliti TIADA DALAM APA JUA KEADAAN AKAN GOOGLE ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA YANG MEMBUAT PERISIAN MEREKA DI PASARAN BERSEMPENA DENGAN ATAU MELALUI GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PENGGUNA UNTUK PENGGUNAAN ATAU PENYALAHGUNAAN GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT OLEH PENGGUNA. BATASAN LIABILITI INI AKAN TERPAKAI UNTUK MENGELAK PEMBAYARAN KERUGIAN SAMA ADA IANYA LANGSUNG , TIDAK LANGSUNG, BERKAIT , AKIBAT, KHAS, EXEMPLARY, DAN PUNITIF SAMA ADA KEROSAKAN-KEROSAKAN ITU ADALAH DIASAKAN WARANTI, KONTRAK,TORT (TERMASUK KECUAIAAN) ATAU SEBALIKNYA, (TERMASUK JIKA GOOGLE DAN/ATAU PENYEDIA PERISIAN PIHAK KETIGA TELAH PUN DINASIHATKAN KEMUNGKINAN GANTI RUGI). HAD LIABILITI SEDEMIKIAN HARUS BERKAIT JIKA GANTI RUGI TIMBUL DARIPADA PENGGUNAAN ATAU PENYALAHGUNAAN DAN PENGANTUNGAN PADA GOOGLE MAPS UNTUK TELEFON BIMBIT ATAU PADA PRODUK-PRODUK ATAU PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN DIDAPATI BERSAMA ATAU MELALUI GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT, DARI KETIDAKUPAYAAN UNTUK MENGGUNAKAN GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT ATAU PRODUK-PRODUK ATAU PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN BERSEMPENA DENGAN ATAU MELALUI MAPS GOOGLE BAGI TELEFON BIMBIT ATAU DARI GANGGUAN, PENGGANTUNGAN ATAU PENAMATAN GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT ATAU PRODUK ATAU PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN BERSEMPENA DENGAN ATAU MELALUI GOOGLE MAPS BAGI TELEFON BIMBIT (TERMASUK GANTI RUGI YANG DISEBABKAN OLEH PIHAK KETIGA. HAD SEUMPAMA INI AKAN TERIKAT TIDAK TERMASUK GEGAGALAN TUJUAN YANG PENTING DAN UNTUK HAD YANG SEPENUHNYA YANG DIBENARKAN UNDANG-UNDANG.

SESETENGAH NEGERA ATAU BIDANG KUASA TIDAK MEMBENARKAN PENGELAKAN ATAU HAD LIABILITI UNTUK KEROSAKAN-KEROSAKAN BERKAIT ATAU AKIBAT SUPAYA HAD BATASAN DAN PENGECUALIAN INI MUNGKIN TIDAK BERKAIT KEPADA ANDA

Peruntukan Pelbagai Terma dan Syarat-syarat berikut akan tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikuti undang-undang Negeri California, tanpa memberi kesan kepada peruntukan-peruntukan konflik undang-undang California atau negeri sebenar anda atau negeri kediaman. Jika untuk apa-apa sebab sebuah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa mendapati mana-mana peruntukan atau bahagian Terma dan Syarat ini menjadi tidak boleh dikuatkuasakan, baki Terma dan Syarat ini akan terus berkuatkuasa dengan penuh.

Terma dan Syarat ini meliputi seluruh perjanjian diantara anda dan Google berkenaan dengan hal perkara ini dan mengambil alih dan menggantikan semua persefahaman atau perjanjian sebelumnya atau kini, yang bertulis atau lisan , berkenaan hal perkara yang sedemikian. Sebarang penepian mana-mana peruntukan Terma dan Syarat berikut hanya berkesan jika di tulis atau ditandatangani oleh Google.

September 2007

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YOUTUBE

<http://www.youtube.com/t/terms>

Waranti Terhad Apple untuk Satu (1) Tahun

BAGI PENGGUNA, YANG DILINDUNGI OLEH UNDANG-UNDANG ATAU PERATURAN-PERATURAN UNTUK PERLINDUNGAN PENGGUNA DALAM NEGARA DIMANA PRODUK DIBELI ATAU, JIKA BERLAINAN, DALAM NEGARA YANG DIDUDUKI OLEH MEREKA, FAEDAH-FAEDAH YANG DIBERI OLEH WARANTI INI ADALAH TAMBAHAN KEPADA SEMUA HAK DAN REMEDI YANG DIBERI OLEH UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN UNTUK PERLINDUNGAN PENGGUNA BERKENAAN. WARANTI INI TIDAK MENGECUALI, MENGHADKAN ATAU MENGGANTUNG SEBARANG HAK PENGGUNA YANG MUNCUL DARI KETIDAKPATUHAN DENGAN KONTRAK JUALAN. SESETENGAH NEGARA, DAERAH DAN WILAYAH TIDAK MEMBENARKAN PENGECUALIAN ATAU PENGHADAN GANTI RUGI YANG BERKAITAN ATAU BERTURUTAN ATAU MEMBENARKAN PENGHADAN TERHADAP JANGKA MASA UNTUK MANA WARANTI ATAU SYARAT TERSIRAT BOLEH BERTERUSAN, OLEH YANG DEMIKIAN, HAD-HAD ATAU PENGECUALIAN YANG DITERANGKAN DIBAWAH MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEATAS ANDA. WARANTI INI MEMBERI ANDA HAK UNDANG-UNDANG YANG KHUSUS DAN ANDA MUNGKIN JUGA MEMPUNYAI HAK-HAK YANG LAIN YANG BERLAINAN MENGIKUT NEGARA, DAERAH DAN WILAYAH. WARANTI TERHAD INI ADALAH DIKAWAL OLEH DAN DITAFSIRKAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG NEGARA DIMANA PRODUK DIBELI. APPLE IAITU WARRANTOR BAGI WARANTI TERHAD INI, TELAH DICAM DIAKHIR DOKUMEN INI MENURUT NEGARA ATAU RANTAU DIMANA PEMBELIAN PRODUK BERLAKU.

Obligasi waranti Apple bagi produk perkakasan ini adalah terhad mengikut terma-terma yang dinyatakan dibawah:

Apple, seperti dihuraikan dalam jadual dibawah, memberi waranti untuk tempoh SATU (1) TAHUN dari tarikh pembelian oleh pembeli asal yang merupakan pengguna akhir (original end-user purchaser) ("Tempoh Waranti") bahawa produk perkakasan ini yang berjenama Apple tiada kecacatan dalam bahan atau pembuatan (materials and workmanship) jika digunakan mengikut penggunaan biasa. Jika terdapat sebarang kecacatan perkakasan dan jika satu tuntutan yang sah diterima dalam Tempoh Waranti, mengikut pilihannya dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Apple akan (1) membaiki kecacatan perkakasan tersebut tanpa sebarang kos, dengan menggunakan bahagian-bahagian baru atau bahagian-bahagian yang setanding dengan yang baru dari segi prestasi dan kebolehpercayaan, (2) menukar produk dengan produk baru atau produk yang setanding dengan product baru dari segi prestasi dan kebolehpercayaan dan yang boleh sekurang-kurangnya berfungsi seperti produk asal, atau (3) membayar balik harga belian bagi produk tersebut. Apple boleh meminta anda mengantikan bahagian yang cacat (defective) dengan bahagian baru atau bahagian yang telah diperbaharui (refurbished) yang boleh dipasang oleh pengguna (user-installable parts), yang disediakan oleh Apple bagi melaksanakan obligasi warantinya. Produk atau bahagian produk gantian (replacement), termasuk bahagian yang boleh dipasang oleh pengguna yang telah dipasang oleh pengguna berdasarkan arahan yang diberi oleh Apple, akan diperolehi atau mempunyai baki tempoh waranti produk asal atau sembilan puluh (90) hari dari tarikh penggantian atau pembaikan, mana-mana yang memberi tempoh perlindungan yang lebih panjang kepada anda. Apabila produk atau bahagian ditukar ganti, item yang diberi kepada anda sebagai barang gantian akan menjadi milik anda dan item yang digantikan akan menjadi milik Apple. Bahagian yang disediakan oleh Apple bagi melaksanakan obligasi waranti harus digunakan dalam produk untuk mana perkhidmatan waranti dituntut. Bila bayaran balik diberi, produk untuk yang mana bayaran balik diberikan mesti dipulangkan kepada Apple dan ia akan menjadi milik Apple.

PENGECUALIAN DAN PENGHADAN Waranti Terhad ini hanya terpakai kepada produk perkakasan yang dikilang oleh atau bagi Apple yang boleh di kenali dengan cap dagang, tanda niaga atau logo "Apple" yang terlekat padanya. Waranti Terhad ini tidak terpakai kepada sebarang produk perkakasan bukan-Apple atau sebarang produk perisian, walaupun ia dibungkus atau dijual dengan perkakasan Apple. Pengeluar, pembekal atau penerbit selain dari Apple mungkin akan memberi waranti mereka sendiri kepada pembeli yang merupakan pengguna akhir (end-user purchaser), tetapi Apple, setakat mana dibenarkan oleh undang-

undang membekalkan produk mereka "seperti ada". Perisian yang diedarkan oleh Apple dengan atau tanpa jenama Apple (termasuk tetapi tidak terhad kepada perisian sistem) tidak termasuk dalam Waranti Terhad ini. Sila merujuk kepada perjanjian perlesenan yang mengiringi perisian tersebut bagi butir-butir hak anda berkenaan penggunaannya.

Apple tidak memberi jaminan bahawa penggunaan produk ini tidak akan ada sebarang gangguan atau kesusialan (error-free). Apple tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerosakan atau kerugian akibat dari kegagalan mematuhi peraturan penggunaan produk.

Waranti ini tidak terpakai: (a) kepada bahagian "consumable," seperti bateri-bateri, melainkan jika kerosakan berlaku akibat dari kecacatan dalam bahan atau pembuatan (workmanship); (b) kepada kerosakan kosmetik, termasuk tetapi tidak terhad kepada calar, bahagian yang kemas dan plastik yang pecah atas ports; (c) kepada kerosakan akibat dari penggunaan bersama dengan produk bukan Apple; (d) kepada kerosakan yang disebabkan oleh kemalangan, penyalahgunaan, penggunaan yang salah, tumpahan cecair atau rendaman, banjir, kebakaran, gempa bumi atau akibat-akibat luar (external) yang lain; (e) kepada kerosakan yang diakibatkan oleh penggunaan produk selain dari penggunaan yang dibenarkan atau dicadangkan seperti yang ditafsirkan oleh Apple; (f) kepada kerosakan akibat dari perkhidmatan (termasuk peningkatan (upgrade) atau perkembangan (expansions)) yang dilakukan oleh sesiapa yang bukan wakil Apple atau penyedia perkhidmatan wireless yang diberi kuasa oleh Apple; (g) kepada produk atau bahagian yang telah di ubah suai bagi tujuan mengubah fungsi atau kebolehan tanpa kebenaran bertulis Apple; atau (h) jika sebarang nombor siri Apple telah dikeluarkan atau dirosakkan.

Penting: Jangan buka produk perkakasan. Membuka produk perkakasan boleh menyebabkan kerosakan yang tidak diliputi oleh waranti ini. Hanya Apple atau wakil perkhidmatan yang diberi kuasa oleh Apple boleh melakukan servis ke atas produk perkakasan ini.

SETAKAT MANA DIBENARKAN UNDANG-UNDANG, WARANTI INI DAN REMEDI YANG DINYATAKAN DIATAS ADALAH EKSKLUSIF DAN SEBAGAI GANTI KEPADA KESEMUA WARANTI, REMEDI DAN SYARAT YANG LAIN, SAMA ADA SECARA LISAN, BERTULIS, BERKANUN, TERNYATA ATAU TERSIRAT. SETAKAT DIBENARKAN UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI, APPLE KHUSUSNYA MENAFIKAN SEBARANG DAN KESEMUA WARANTI TERSIRAT DAN BERKANUN, TERMASUK, TANPA TERHAD, WARANTI BERKENAAN KEBOLEHDAGANGAN DAN KEUPAYAAN BAGI TUJUAN TERTENTU DAN WARANTI-WARANTI BAHAWA TIADA KECACATAN YANG TERSEMBUNYI ATAU MALAP. JIKA APPLE TIDAK BOLEH MENAFIKAN SECARA SAH WARANTI BERKANUN ATAU WARANTI TERSIRAT, MAKA SETAKAT DIBENARKAN UNDANG-UNDANG, KESEMUA WARANTI TERSEBUT HARUSLAH TERHAD TEMPORALNYA SETAKAT TEMPORAL WARANTI TERNYATA DAN KEPADA PERKHIDMATAN PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN (REPLACEMENT) SEPERTI YANG DITENTUKAN OLEH APPLE ATAS BUDI BICARANYA SENDIRI. Pengedar (reseller), wakil dan pekerja Apple tidak diberi kuasa untuk membuat sebarang pengubahsuaian, sambungan, atau tambahan kepada waranti ini. Jika sebarang terma didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, kesahan atau penguatkuasaan baki terma-terma tidak akan terjejas.

KECUALI SETAKAT MANA DINYATAKAN DALAM WARANTI INI DAN SETAKAT TAHAP MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, APPLE TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB BAGI GANTI RUGI LANGSUNG, KHAS, BERKAITAN ATAU BERTURUTAN BERPUNCA DARI SEBARANG PELANGGARAN WARANTI ATAU SYARAT, ATAU DIBAWAH SEBARANG TEORI UNDANG-UNDANG YANG LAIN, TERMASUK TETAPI TIDAH TERHAD KEPADA KEHILANGAN PENGGUNAAN; KEHILANGAN PUNCA PENDAPATAN, KEHILANGAN KEUNTUNGAN YANG SEBENAR ATAU DIJANKA (TERMASUK KEHILANGAN KEUNTUNGAN ATAS KONTRAK); KEHILANGAN PENGGUNAAN WANG; KEHILANGAN SIMPANAN YANG DIJANGKA; KEHILANGAN PERNIAGAAN; KEHILANGAN KESEMPATAN; KEHILANGAN NAMA BAIK; KEHILANGAN REPUTASI; KEHILANGAN KEROSAKAN ATAU KORUPSI KEPADA DATA; ATAU MANA-MANA KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN TIDAK LANGSUNG ATAU BERTURUTAN TIDAK KIRA APA PUNCANYA, TERMASUK GANTIAN PERALATAN DAN HARTA BENDA, APA-APA KOS UNTUK MENDAPAT BALIK, MEMPROGRAM ATAU MEMBUAT SEMULA SEBARANG PROGRAM ATAU DATA YANG

DISTOR DALAM ATAU DIGUNA DENGAN PRODUK APPLE DAN SEBARANG KEGAGALAN UNTUK MENGEKALKAN KERAHSIAN (CONFIDENTIALITY) DATA YANG DISTOR DALAM PRODUK. PENGHADAN TERSEBUT DI ATAS TIDAK AKAN TERPAKAI KEPADA KEMATIAN ATAU TUNTUTAN KECEDERAAN DIRI, ATAU SEBARANG LIABILITI BERKANUN BAGI TINDAKAN DAN/ ATAU KEGAGALAN UNTUK BERTINDAK YANG BERSIFAT KECUAJIAN YANG SENGAJA DAN TERUK (GROSS). APPLE MENAFIKAN SEBARANG REPRESENTASI BAHAWA IA BOLEH MEMPERBAIKI SEBARANG PRODUK DIBAWAH WARANTI INI ATAU MEMBUAT PENGGANTIAN PRODUK TANPA RISIKO KEPADA ATAU KEHILANGAN PROGRAM ATAU DATA.

MENDAPATKAN PERKHIDMATAN WARANTI Sila akses dan mengkaji semula sumber bantuan online yang dirujuk dalam dokumentasi yang mengiringi produk perkakasan ini sebelum mendapatkan perkhidmatan waranti. Jika produk ini masih tidak berfungsi dengan sempurna selepas menggunakan sumber-sumber tersebut, sila hubungi wakil Apple atau jika berkenaan, kedai jualan yang dimiliki oleh Apple ("Kedai Apple") atau pengedar perkhidmatan wireless yang diberi kuasa oleh Apple yang boleh didapati dengan menggunakan informasi dalam dokumentasi berkenaan. Apabila menghubungi Apple melalui telefon, caj-caj lain akan dikenakan bergantung kepada lokasi anda. Bila dihubungi, wakil Apple atau pengedar perkhidmatan wireless yang diberi kuasa oleh Apple, akan membantu untuk menentukan jika produk anda memerlukan perkhidmatan dan, jika perlu, akan memaklumkan anda bagaimana Apple akan menyediakannya. Anda harus membantu dalam mendiagnosis isu-isu dengan produk anda dan mengikuti proses-proses waranti Apple. Apple boleh menghadkan perkhidmatan kepada negara dimana Apple atau pengedar-pengedar sahnya mula-mula menjual produk perkakasan dan menyediakan perkhidmatan waranti (i) di Kedai Apple atau lokasi pengedar perkhidmatan wireless yang diberi kuasa oleh Apple, dimana perkhidmatan diberi di lokasi tersebut, atau Kedai Apple atau pengedar perkhidmatan wireless yang diberi kuasa oleh Apple boleh menghantar produk kepada lokasi perkhidmatan membaiki Apple untuk servis, (ii) dengan menghantar prepaid way bills (dan jika anda tiada bungkusan asal, Apple mungkin akan menghantar bahan bungkusan) bagi membolehkan anda menghantar produk ke lokasi perkhidmatan Apple untuk tujuan servis, atau (iii) dengan menghantar kepada anda produk atau bahagian yang baru atau yang telah diperharui (refurbished) yang boleh dipasang oleh pengguna untuk membolehkan anda servis atau menukar ganti (exchange) produk anda sendiri ("Perkhidmatan DIY"). Atas penerimaan produk atau bahagian gantian, produk atau bahagian yang asal akan menjadi milik Apple dan anda setuju untuk mengikut arahan, termasuk, jika perlu, mengatur bagi mengembalikan produk atau bahagian yang asal kepada Apple dalam masa yang sewajarnya. Apabila menyediakan Perkhidmatan DIY yang memerlukan pengembalian produk atau bahagian yang asal, Apple mungkin memerlukan pengesahan kad kredit sebagai sekuriti bagi harga dagang produk atau bahagian gantian dan juga kos-kos pengangkutan berkenaan. Jika anda mengikuti arahan, Apple akan membatalkan pengesahan kad kredit, supaya anda tidak akan dicaj untuk produk atau bahagian dan kos pengangkutan. Jika anda gagal kembalikan produk atau bahagian yang telah diganti seperti yang diarahkan, Apple akan mengenakan kos keatas kad kredit bagi amaun yang disahkan.

Pilihan perkhidmatan, ketersediaan bahan-bahan dan masa respon mungkin berbeza mengikut negara dimana perkhidmatan diperlukan. Pilihan perkhidmatan boleh ditukar pada bila-bila masa. Anda mungkin bertanggungjawab bagi bayaran pengangkutan, perkapalan dan pengendalian jika produk tidak boleh diservis di negara di mana perkhidmatan diperlukan. Jika anda memerlukan perkhidmatan di negara yang tidak merupakan negara di mana pembelian asal dibuat, anda harus mematuhi kesemua undang-undang dan peraturan eskport dan bertanggungjawab bagi kesemua duti kastam, V.A.T dan cukai dan caj-caj lain yang berkenaan. Dimana perkhidmatan antarabangsa sedia-ada, Apple boleh membaiki dan menukar-ganti produk dan bahagian yang cacat atau rosak dengan produk dan bahagian setanding yang mengikut standard-standard tempatan. Berdasarkan undang-undang yang terpakai, Apple boleh memerlukan anda menunjukkan butiran bukti pembelian dan/atau mematuhi keperluan pendaftaran sebelum menerima perkhidmatan waranti. Sila rujuk kepada dokumentasi yang mengiringi produk ini untuk butiran lanjut berkenaan perkara ini dan perkara lain berkenaan dengan memperoleh perkhidmatan waranti.

Apple akan mengekalkan dan menggunakan maklumat pelanggan selaras dengan Polisi Privasi Pengguna Apple (Apple Customer Privacy Policy) yang boleh diakses di laman web yang dinyatakan dalam jadual dibawah.

Jika produk anda berupaya untuk stor program perisian, data dan informasi lain, anda harus melindungi kandungannya daripada kemungkinan kegagalan operasi. Sebelum anda menghantar produk anda bagi tujuan perkhidmatan waranti ia adalah tanggungjawab anda untuk mengekalkan satu salinan "backup" kandungan dan melumpuhkan sebarang kata laluan sekuriti. **KANDUNGAN PRODUK ANDA AKAN DIMANSUHKAN (DELETED) DAN MEDIA UNTUK PENGESTORAN (STORAGE MEDIA) AKAN DIREFORMATKAN DALAM MENJALANKAN PERKHIDMATAN WARANTI.** Produk anda atau produk gantian akan dikembalikan kepada anda dengan konfigurasi yang sama seperti mana produk anda dikonfigurasi bila anda mula-mula membelinya, tertakluk kepada pengemaskinian yang terpakai. Apple boleh memasang pengemaskinian kepada perisian system sebagai sebahagian daripada perkhidmatan waranti yang akan menghalang perkakasan daripada kembali kepada versi perisian system yang terdahulu. Aplikasi pihak ketiga yang dipasang didalam perkakasan mungkin tidak sesuai atau bekerja dengan perkakasan akibat pekemaskinian perisian system tersebut. Anda akan bertanggungjawab untuk memasang semula semua program perisian yang lain, data dan kata laluan. Pemulihan dan pemasangan semula program-program perisian dan data pengguna tidak diliputi oleh Waranti Terhad ini.

Senarai pengedar perkhidmatan wireless yang diberi kuasa oleh Apple boleh didapati online di [HYPERLINK](http://images.apple.com/legal/warranty/docs/iPhoneAuthorizedDistributors.pdf)
<http://images.apple.com/legal/warranty/docs/iPhoneAuthorizedDistributors.pdf>.

Sokongan tambahan, jika disediakan, adalah dijelaskan di: [HYPERLINK](http://www.apple.com/support/country/index.html?dest=complimentary)
<http://www.apple.com/support/country/index.html?dest=complimentary>

Penanggung Obligasi bagi Wilayah atau Negara DiMana Produk Dibeli

Wilayah/ Negara DiMana Produk Dibeli	Apple	Alamat
Americas		
Brazil	Apple Computer Brasil Ltda	Av. Cidade Jardim 400, 2 Andar, Sao Paulo, SP Brasil 01454-901
Kanada	Apple Canada Inc.	7495 Birchmount Rd.; Markham, Ontario, Canada; L3R 5G2 Canada
Mexico	Apple Operations Mexico, S.A. de C.V.	Av. Paseo de la Reforma 505, Piso 33, Colonia Cuauhtemoc, Mexico DF 06500
Amerika Syarikat dan Negara Americas Yang lain	Apple Inc.	1 Infinite Loop; Cupertino, CA 95014, U.S.A.
Eropah, Timur Tengah dan Afrika		
Kesemua Negara	Apple Sales International	Hollyhill Industrial Estate Hollyhill, Cork, Republic of Ireland
Asia Pasifik		
Australia; New Zealand; Fiji, Papua New Guinea; Vanuatu	Apple Pty. Limited.	PO Box A2629, South Sydney, NSW 1235, Australia
Hong Kong	Apple Asia Limited	2401 Tower One, Times Square, Causeway; Hong Kong
India	Apple India Private Ltd.	19th Floor, Concorde Tower C, UB City No 24, Vittal Mallya Road, Bangalore 560-001, India
Jepun	Apple Japan Inc.	3-20-2 Nishishinjuku, Shinjuku-ku, Tokyo, Japan
Korea	Apple Computer Korea Ltd.	3201, ASEM Tower; 159, Samsung-dong, Kangnam-gu; Seoul 135-090, Korea
Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, Brunei, Cambodia, Guam, Indonesia, Laos, Singapore, Malaysia, Nepal, Pakistan, Philippines, Sri Lanka, Vietnam	Apple South Asia Pte. Ltd.	7 Ang Mo Kio Street 64 Singapore 569086

Wilayah/ Negara Di Mana Produk Dibeli	Apple	Alamat
People's Republic of China	Apple Computer Trading (Shanghai) Co. Ltd.	B Area, 2/F, No. 6 Warehouse Building, No. 500 Bing Ke Road, Wai Gao Qiao Free Trade Zone, Shanghai, P.R.C.
Thailand	Apple South Asia (Thailand) Limited	25th Floor, Suite B2, Siam Tower, 989 Rama 1 Road, Pataumwan, Bangkok, 10330
Taiwan	Apple Asia LLC	16A, No. 333 Tun Hwa S. Road. Sec. 2, Taipei, Taiwan 106
Negara Asia Pasifik Lain	Apple Inc.	1 Infinite Loop; Cupertino, CA 95014, U.S.A.
Polisi Privasi		
Kesemua Negara	http://www.apple.com/legal/warranty/privacy	

iPhone US Warranty v1.8

© 2009 Apple Inc. Hak cipta terpelihara.

Apple, logo Apple, dan iTunes adalah tanda dagangan Apple Inc., didaftarkan di A.S. dan negara-negara lain. iPhone adalah tanda dagangan Apple Inc. Tanda perkataan dan logo Bluetooth® adalah tanda dagangan berdaftar yang dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan sebarang penggunaan tanda sedemikian oleh Apple Inc. adalah di bawah lesen. Apple Store adalah tanda perkhidmatan Apple Inc., didaftarkan di A.S. dan negara-negara lain.

MY034-4993-A

Printed in XXXX